



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam, Isnin 08 November 2010**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

## **TIDAK HADIR**

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

## **TURUT HADIR**

### **(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**( Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Kedua Belas 8 November 2010 dimulakan

**I. DOA**

**II. PROKLAMASI**

OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 08 November 2010 hingga 12 November 2010 dan 15 November hingga 16 November 2010 atau sehingga selesainya semua urusan mesyuarat, dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 7 hari bulan Oktober 2010.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

**TUAN SPEAKER** : Salam sejahtera dan selamat datang kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Y.B. Ahli-ahli EXCO, Y.B. Ahli-ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu sekali lagi dalam Mesyuarat Ketiga Dewan yang mulia ini bagi Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang Ke12. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya meneruskan mesyuarat pada hari ini, saya ingin memaklumkan bahawa Y.B. Puan Rodziah binti Ismail, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri akan menunaikan Haji pada 9 November 2010. manakala Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Ahli Dewan Negeri Kawasan Seri Setia dan Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, Ahli Dewan Negeri Kawasan Subang Jaya telah bertolak untuk menghadiri *International Parliamentary Government Seminar* anjuran *Commonwealth Parliamentary Association* CPA Cawangan United Kingdom di London. Mereka telah memohon cuti dan saya telah meluluskan permohonan cuti yang telah dikemukakan. Dengan ini saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini.

### **III. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat.

1. Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2010 Rang Undang-undang Enakmen Peruntukan Diraja Pindaan 2010. Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan No. 3, 2010, Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2011 / 2010.
2. Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2010 - Rang Undang-undang Enakmen Industri Berasas Kayu Pindaan 2010.
3. Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2010 - Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor Tahun 2009.
4. Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2010 – Penyata Kewangan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.
5. Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2010 - Sijil dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.
6. Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2010 - Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.
7. Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2010 - Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi tahun 2009.

8. Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2010 - Memorandum Perbandaran mengenai anggaran perbelanjaan tambahan ketiga 2010 bagi Kerajaan Negeri Selangor.
9. Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2010 - Memorandum Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009.
10. Kertas Mesyuarat Bilangan 26 Tahun 2010 - Penyata Kumpulan Kewangan Tabung Warisan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.
11. Kertas Mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2010 - Penyata Kewangan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.
12. Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2010 - Anggaran Perbelanjaan Negeri Selangor 2011.
13. Kertas Mesyuarat Bilangan 29 Tahun 2010 - Penyata Jawatankuasa Rang Undang-undang Dasar Maklumat Negeri Selangor 2010.
14. Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2010 - Penyata Pilihan Khas mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JPK ABBA.
15. Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2010 - Cadangan kepada Pindaan Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.
16. Kertas Mesyuarat Bilangan 32 Tahun 2010 - Surat Akuan Ketua Audit Negara dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 bagi 12 PBT Negeri Selangor:
  - (1) Majlis Bandar raya Shah Alam.
  - (2) Majlis Bandar raya Petaling Jaya.
  - (3) Majlis Perbandaran Klang.
  - (4) Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
  - (5) Majlis Perbandaran Subang Jaya.
  - (6) Majlis Perbandaran Sepang.
  - (7) Majlis Perbandaran Kajang.
  - (8) Majlis Perbandaran Selayang.
  - (9) Majlis Daerah Sabak Bernam.
  - (10) Majlis Daerah Hulu Selangor.
  - (11) Majlis Daerah Kuala Langat.
  - (12) Majlis Daerah Kuala Selangor.
17. Kertas Mesyuarat Bilangan 33 Tahun 2010 - Agenda Rakyat Selangor. Pelan Visi dan Pelan Pelaksanaan 3 tahun 2011 hingga tahun 2013.

#### **IV. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**YB PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan No. 1



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
  - a) Adakah kakitangan kerajaan atau Pejabat Daerah dan Tanah ditawarkan tanah setelah berkhidmat dalam tempoh tertentu?
  - b) Nyatakan tawaran-tawaran yang dibuat oleh GLC berkaitan hartanah kepada mana-mana kakitangan awam/Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Apakah kadar yang dikenakan?

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** *Bismillahi rahmani rahim.* Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Taman Medan kerana membangkitkan soalan kelulusan tanah kepada kakitangan kerajaan. Soalannya adalah mengenai; adakah kakitangan kerajaan atau Pejabat Daerah dan Tanah ditawarkan tanah setelah berkhidmat dalam tempoh tertentu.? Kedua; nyatakan tawaran-tawaran yang dibuat oleh GLC Syarikat-syarikat milikan Kerajaan Negeri berkaitan hal tanah kepada mana-mana kakitangan awam, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Apakah kadar yang dikenakan?

Sejak Mac 2008 kita tidak membuat apa-apa peruntukan sebagai peraturan memohon tanah kepada kakitangan kerajaan atau Pejabat Daerah dan Tanah ataupun Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berkhidmat untuk tempoh-tempoh tertentu. Walau bagaimanapun, terdapat dalam Seksyen 43 Kanun Tanah Negara yang menyatakan rakyat Selangor dan rakyat Malaysia boleh memohon memiliki tanah dan ini tidak ada kena-mengena dengan tawaran ataupun rancangan menawarkan tanah. Ia adalah hak kerajaan untuk menentukan siapa yang boleh memiliki tanah. Pada masa ini, keputusan Kerajaan Negeri adalah setiap tanah milikan Kerajaan Negeri boleh ditawarkan kepada mana-mana pihak dengan cara tender terbuka; kedua dengan cara premiumnya dikira mengikut harga pasaran.

Kedua; malangnya kita tidak mempunyai rekod yang kemas mengenai tanah-tanah berkaitan hal tanah yang diberikan kepada kakitangan awam, Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Ahli-ahli Dewan dan tidak terdapat sebagai satu rekod simpanan Setiausaha Kerajaan. Perkara ini sekarang dikemas kini dan kita hanya mengumumkan nama-nama mereka yang terlibat jika terdapat masalah pada pembayaran premium dan masalah penjualan tanah yang tidak mengikut syarat yang dikenakan semasa pembelian ataupun penukaran milikan tanah tersebut. Hal ini kita lakukan tidak lama lagi kerana saya dalam proses menyelesaikan beberapa projek terbengkalai yang melibatkan juga pemilikan tanah oleh beberapa pemimpin-pemimpin dan kakitangan Kerajaan Negeri dan untuk masa hadapan kita mulai Mac 2008 supaya EXCO mendapat tawaran tanah di bawah GLC ia mesti dibentangkan dahulu di Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri dan EXCO terlibat tidak menghadiri perbincangan dan keputusan tawaran tanah tersebut. Pada masa ini belum ada kertas ataupun perbincangan mengenai tawaran tanah yang dibuat oleh Syarikat-syarikat GLC termasuk PKNS, PKPS, Permodalan Selangor Berhad (PNSB) dan kini kita mencadangkan supaya tidak ada perbezaan mengenai pembelian hak tanah antara pembeli-pembeli awam ataupun pembeli-pembeli swasta. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, soalan No. 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK** : **KELULUSAN TANAH KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar :

- a) Adakah kakitangan kerajaan atau Pejabat Daerah & Tanah ditawarkan tanah setelah berkhidmat dalam tempoh tertentu?
- b) Nyatakan tawaran-tawaran yang dibuat oleh GLC berkaitan hartanah kepada mana-mana kakitangan awam/ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri. Apakah kadar yang dikenakan?

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan daripada Sekinchan. Perkembangan terkini '*Royal Theater*' adalah mana-mana kerajaan negeri masih lagi menangguhkan permohonan MBSA menyerahkan bangunan tersebut kepada kerajaan negeri sehingga beberapa perkara di bawah disempurnakan iaitu pertama MBSA diarahkan untuk melaksana dan memastikan bahawa kerja-kerja pembaik pulih perkara-perkara yang dinyatakan oleh audit Jabatan Audit Negara diselesaikan.

Yang keduanya Persatuan Arkitek Malaysia iaitu PAM dilantik untuk mengaudit bangunan dari segi teknikal apakah bangunan itu dibina mengikut UBBL ataupun dengan izin *Uniform Building By Laws* dan apakah ianya berfungsi seperti yang sepatutnya dari segi seni bina dan juga kejuruteraan mekanikal, *electrical* serta *civil* iaitu dari sudut strukturnya. Persatuan Arkitek Malaysia juga akan memberikan pandangan profesional bagaimana untuk mentransformasikan bangunan '*Royal Theater*' yang sedia ada setelah meneliti kemudahan dan infrastruktur yang sedia ada dengan mengambil kira penemuan dan pandangan daripada Jabatan Audit Negara kepada satu bangunan yang boleh digunakan secara optimum bersesuaian dengan identiti '*Royal Theater*'.

Yang keempatnya, sementara itu kerajaan negeri di bawah pengurusan bangunan negeri sedang mengenal pasti pengurusan pentadbiran teater dan seterusnya menyediakan bajet penyediaan teater tersebut. Ingin saya nyatakan di sini bahawa keputusan MMKN pada 2004, pengurus teater adalah di bawah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri tetapi walau bagaimanapun JKKN ataupun Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri sekarang ini tidak lagi memberikan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor setelah Pakatan Rakyat mengambil alih kepimpinan kerajaan negeri pada 8 Mac 2008. Tentang soalan yang kedua bagaimanakah sumbangannya terhadap kesenian negeri Selangor? Kerajaan negeri sudah semestinya mengharapkan dengan adanya bangunan teater ini, aktivisme teater negeri Selangor dapat dilonjakkan seterusnya menjadikan Shah Alam salah satu pusat teater dan juga kalau diizinkan yang terkemuka di Malaysia. Bahkan selain teater aktiviti kesenian juga turut dapat dimanfaatkan bangunan ini. Selain itu '*Royal Theater*' ini akan menjadi salah satu destinasi pelancongan Negeri Selangor.

Untuk menjawab soalan kedua daripada Sekinchan, ingin saya katakan pada bulan September 2003 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada ketika itu telah meluluskan cadangan mereka bentuk membina dan menyiapkan sebuah teater negeri yang dinamakan '*Royal Theater*' yang mana kerajaan negeri pada ketika itu memperuntukkan sejumlah RM43.84juta untuk membiayai kos projek itu di mana pecahannya pertama; membina bangunan dengan harga RM36.8juta, keduanya membina sistem peralatan teater sebanyak RM5.82juta dan yang ketiganya kerja landskap sebanyak RM1.22juta. Dan juga mesyuarat MMKN 2004 menyatakan pada ketika itu ianya perlu disiapkan dengan cara *design and build* (dengan izin) selama 30 bulan bermula 5 Disember 2004 hingga 4 Jun 2007. Bagaimanapun kontraktor yang dilantik iaitu Kembang Serantau pada ketika itu telah gagal menyiapkan pada tempoh yang ditetapkan. Jadi '*Royal Theater*' ini disasarkan penggunaannya walau bagaimanapun kita akan pastikan *insya-Allah* pada tahun 2011 nanti jangkaan kepada semua ataupun setelah semua perkara di atas diambil kira ianya akan kita gunakan dan kita akan sempurnakan semula *default* dengan izin ataupun kepincangan yang berlaku semasa pembinaan tersebut. Untuk jawapan yang ketiga, perancangan kerajaan negeri untuk memperkasakan pusat dan menarik pelancong. Beberapa usaha telah dimulakan bagi memastikan pusat teater ini diperkasakan sepenuhnya. Di antaranya melakukan pertemuan dan perbincangan bersama. Antara yang telah berminat dan berbincang dengan pihak kerajaan negeri adalah pihak Istana Budaya, Majlis Teater Negeri Selangor, Tourism Selangor bagi menjadikan teater ini salah satu pakej dan produk pelancongan Selangor, yang keempatnya beberapa individu dan penggiat teater telah pun berbincang bersama dan akhirnya beberapa teater antarabangsa untuk membuat pertunjukan di pusat ini telah pun datang dan berkunjung kepada kerajaan negeri. Ingin saya nyatakan Tuan Speaker, untuk makluman dewan semua laporan ketua audit negara bagi tahun 2009 sekarang ini selain daripada ahli dewan negeri *insya-Allah* kita telan pun dan kita akan muatkan ianya sebagai bacaan umum supaya masyarakat luar tahu apakah sebenarnya berlaku kepada '*Royal Theater*' tersebut. Sekian, Tuan Speaker.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, soalan tambahan. Ingin saya meminta penjelasan sedikit tambahan daripada Yang Berhormat Exco, '*Royal Theater*' (teater diraja) ini sudah disiapkan seperti dalam laporan audit sudah disiapkan pada tahun 2008 tetapi sehingga sekarang ia masih terbengkalai, tidak dapat digunakan. Dan berapakah anggaran kos tambahan perlu diguna pakai untuk membaiki, baik pulih teater diraja ini supaya ia boleh diguna pakai, satu. Yang kedua dalam proses mengagihkan menawarkan tender teater diraja ini ia dibuat secara terbuka atau tertutup atau ditutupan? Sekian, terima kasih.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Terima kasih Sekinchan. Kos yang sebenarnya masih dalam perkiraan lagi tetapi apa yang penting sekarang ini disebabkan bangunan itu tidak digunakan, beberapa kos telah pun ditanggung oleh MBSA iaitu kos membaiki pulih landskap, mengajikan tiga orang pengawal dan akhirnya juga untuk memastikan *maintenance* yang berlaku ataupun bil utiliti disempurnakan *Insya-Allah*. Saya tidak ada laporan tersebut secara lengkap tetapi bahasa kasarnya untuk daripada tarikh bangunan itu disempurnakan sehingga sekarang jumlah yang telah dibelanjakan untuk memastikan ianya berada dalam keadaan yang sepatutnya berada dalam keadaan yang

baik tetapi ianya telah dikeluarkan sebanyak RM145,404.56. Tentang soalan yang kedua untuk soalan tambahan itu apakah proses yang akan diadakan untuk memberikan tender itu? Memang pastinya kerajaan Pakatan Rakyat sekarang ini akan membuat ianya sebagai tender terbuka dan *insya-Allah* kita juga mengalu-alukan bagi pihak-pihak yang begitu profesional dan arif tentang bangunan ataupun pengurusan bangunan teater ini untuk hadir. Tidak seperti mana kerajaan Barisan Nasional di mana beliau buat sebagai *direct nego* untuk memberikan kepada seseorang untuk memastikan kononnya bangunan ini dalam keadaan baik tetapi akhirnya ia terbengkalai dan ianya tidak dapat digunakan oleh rakyat jelata. Terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker. Untuk mewujudkan sebuah bangunan teater sebenarnya lebih mudah daripada pengisian. Sejauh manakah wujudnya umpamanya penggerak teater di negeri Selangor yang pada pendapat kita tidak nampak setakat ini. Kalau tidak wujud (belum ada) apakah perancangan pihak kerajaan umpamanya menghantar pelajar-pelajar yang berbakat di dalam bidang-bidang teater dan bidang-bidang seni yang lain umpamanya hantar ke Akademi Seni Kebangsaan atau di luar daripada negara ini untuk mewujudkan kelompok penggerak teater. Dan apakah sudah ada umpamanya pihak kerajaan menggerakkan supaya diwujudkan semacam persatuan, seniman yang bergerak dalam bidang teater agar pada masa akan datang bangunan yang kita wujudkan ini tidak menjadi sebagai 'gajah putih'. Terima kasih.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL** : Terima kasih Bangi. Untuk makluman Bangi sebenarnya di Negeri Selangor telah pun ada Majlis Teater Negeri Selangor di mana di situ banyak kepelbagaian persatuan yang sebenarnya aktif dalam teater ini telah pun digabungkan dan sekarang ini banyak melaksanakan program. Dan di antara program yang begitu sekarang ini mula mendapat hati masyarakat ialah seperti teater jalanan seperti teater yang bertajuk 'menunggu kata daripada Tuhan' yang selama ini dalam dua tahun *alhamdulillah* kita popularkan ianya pergi ke peringkat-peringkat daerah dan juga PBT. Walau bagaimanapun, saya tidak nafikan bahawa sebenarnya teater ini lebih fokusnya kepada Kuala Lumpur ataupun aktiviti kepada Kuala Lumpur. Sebab itu saya yakin dan saya optimis jika kita memanfaatkan sepenuhnya bangunan '*Royal Theater*' ini, Shah Alam akan menjadi satu pusat teater yang kita akan kembalikan semula dan ianya akan dipastikan bahawa Selangor akan menjadi salah satu lagi destinasi teater ataupun aktiviti teater yang akan kita lonjakan. Itu saja. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, soalan No. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK** : LADANG HUTAN

3. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan / Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008, muka surat 49 : “Pada pendapat Audit, pengurusan hutan secara konsesi kepada PKPS tidak memuaskan kerana memberi kesan kepada kepupusan habitat flora dan fauna bagi kawasan yang terlibat dengan program ladang hutang”.

Dalam muka surat 48, semakan Audit mendapati seluas 11,381.06 hektar kawasan HSK di Zon Hulu Selangor iaitu HSK Bukit Tarek dan HSK Rantau Panjang telah diberi secara konsesi selama 60 tahun kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) pada 22 Februari 2001.

Ulasan Jabatan dalam Memorandum Laporan Ketua Audit Negara 2008 Selangor, muka surat 61-62, Para 3.5.1.2 (a).

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah butiran-butiran utama dalam perjanjian konsesi selama 60 tahun Jabatan dengan PKPS?
- b) Apakah sistem dan program pemantauan yang dilaksanakan bagi memastikan PKPS mematuhi piawai dalam pengurusan ladang hutan?
- c) Apakah status perjanjian konsesi 60 tahun ini dan adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menyemaknya semula?

**YB TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, merujuk soalan daripada Hulu Kelang. Soalan pertama; pada tahun 2001 melibatkan pemajakan kawasan hutan simpanan kekal seluas 10,000 hektar iaitu 5,000 hektar di hutan simpan Rantau Panjang dan 5,000 hektar di hutan simpan Bukit Tarik untuk tempoh selama 60 tahun bagi tujuan PKPS menghidupkan semula *reforestation* kawasan ladang hutan itu mengikut pelan rancangan perhutanan semula Jabatan Perhutanan Negeri Selangor setelah kayu balak yang ada di usaha dihasilkan atau dikeluarkan oleh PKPS secara konsesi. PKPS juga dibenarkan untuk mengadakan perjanjian secara *sub list joint venture* melantik kontraktor atau sub kontraktor bagi melaksanakan konsesi pembalakan dan program perhutanan semula. Seluas 1,000 hektar dari kawasan ini diperuntukkan untuk kerajaan negeri bagi penggunaan ladang buah-buahan. Soalan kedua; sistem dan program pemantauan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor hanya terhad kepada proses-proses yang melibatkan pengeluaran kayu balak (pembalakan) dalam konsesi PKPS sahaja. Projek-projek penghutanan semula yang dilaksanakan oleh PKPS tidak pernah dimaklumkan secara dokumentasi kepada Jabatan Hutan Negeri Selangor. Soalan ketiga; kerajaan negeri Selangor telah membuat keputusan pada 2 Jun 2010 oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk membatalkan perjanjian PKPS dan menarik balik keseluruhan kawasan pajakan ini dan menyerahkan semula kepada JPNS untuk projek penghutanan semula. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, Soalan No. 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan atau '*road-map*' untuk mengambil alih pengurusan sisa pepejal daripada Alam Flora Sdn. Bhd.?
  - b) Apakah rancangan dan strategi kerajaan dalam menggalakkan kitar semula?
  - c) Apakah rancangan kerajaan dan '*road-map*' dalam menggunakan teknologi pelupusan sampah yang mesra alam?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, terima kasih. Kajang membangkitkan satu perkara yang sangat menghantui pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu pengurusan sisa pepejal. Soalannya, adakah kerajaan mempunyai rancangan atau *roadmap* untuk mengambil alih pengurusan sisa pepejal daripada Alam Flora Sdn. Bhd.? Apakah rancangan dan strategi kerajaan bagi menggalakkan kitar semula dan rancangan *roadmap* dalam usaha menggunakan teknologi pelupusan sampah yang mesra alam? Pada masa ini masih belum ada keputusan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah pengurusan pelupusan sampah yang sekarang diberi dari bulan ke bulan untuk diuruskan oleh Alam Flora Sdn. Bhd. dan kita dapati satu pertiga daripada pendapatan setiap Pihak Berkuasa Tempatan digunakan untuk menyelesaikan perkara pengurusan sisa pepejal dan kita masih menerima rintihan dan rasa tidak puas hati oleh rakyat di kawasan-kawasan yang terlibat.

Pihak Berkuasa Tempatan tahu tentang kecekapan dan keupayaan pengurusan pelupusan sampah dan pengurusan untuk kutipan sampah. Pada masa ini walaupun kita menunggu keputusan daripada Kerajaan Persekutuan, namun kita meminta beberapa Pihak Berkuasa Tempatan untuk pertamanya di Kajang kita meminta Kajang untuk mengadakan perbincangan dengan Worldwide Holdings yang menjaga pelupusan sampah dan dengan Syarikat Core Copentensi Sdn. Bhd. yang menguruskan RDF dan mencuba supaya diadakan satu sistem menyeluruh iaitu sistem holistik daripada rumah sampai ke tempat pelupusan. Dan supaya kita dapat satu kajian untuk mengetahui sama ada dengan cara holistik ini kita boleh dapat menyelesaikan masalah pengurusan pelupusan dan pengutipan sampah. Ia kita lakukan pada akhir November ini dan jika perlu dilaksanakan pada 1 Januari 2011. Kita juga menunggu keputusan Kerajaan Persekutuan untuk memberitahu Kerajaan Negeri bagaimana cara mereka menyelesaikan masalah perjanjian mereka dengan Alam Flora dan bagaimana penyelesaian pelupusan sampah dibuat. Dengan mengetahui dua perkara ini Kerajaan Negeri boleh buat keputusan sama ada bersama dengan Kerajaan Persekutuan atau menjalankan pengurusan pelupusan sampah sendirian melalui pihak berkuasa tempatan.

Soalan kedua, adakah kerajaan sentiasa menggerakkan program-program untuk menggalakkan kitar semula dalam kalangan masyarakat awam? Antara kempen yang dijalankan sejak dahulu adalah kempen 3R, *reduce*, pengurangan, *reuses*, penggunaan semula dan *recycle*, kitar semula dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Alam

Sekitar melalui Kempen Hari Tanpa Beg Plastik. Kita berterima kasih kepada rakyat Selangor, kerana kita dapati ramai menerima pakai idea ini dan program-program kempen tersebut dipertingkatkan. Kita berterima kasih kepada Ahli EXCO Negeri yang bertugas dalam perkara ini yang menggalakkan dan mempromosi kempen-kempen ini supaya akhirnya kita dapat mengurangkan penggunaan beg plastik untuk pembungkusan dan perkara-perkara yang boleh digantikan dengan bahan lain.

Soalan ketiga, mengenai '*road-map*' menggunakan teknologi pelupusan sampah yang mesra alam. Kita sudah mengkaji beberapa kaedah seperti yang saya nyatakan di Kajang satu loji menggunakan teknologi "*refuse refill*" ataupun satu teknologi yang dapat membakar sampah tersebut dan hasilnya boleh mengeluarkan tenaga yang boleh kita gunakan dan sudah dilakukan walaupun terdapat beberapa kekangan ataupun masalah dan kita rasa pengalaman mereka sangat berguna untuk membolehkan kita melaksanakan projek tersebut. Dan kerajaan sudah meneliti beberapa teknologi yang difikirkan sesuai untuk diguna pakai seperti "*Material Resources Facility*" (MRF) dan "*Mechanical Biological Treatment*" yang kita lihat berjaya dilakukan oleh beberapa negara dan dapat menukarkan sisa pepejal yang dilupuskan kepada tenaga ataupun produk yang berasaskan barangan kitar semula. Kesemuanya ini ada dalam rancangan kerajaan negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Bernam. Tidak hadir. Sementa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HJ. PALIL  
(SEMENTA)**

**TAJUK : KOMUNITI BERPAGAR**

6. Kerajaan Persekutuan telah menetapkan garis panduan untuk pelaksanaan sistem Komuniti Berpagar.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah status pelaksanaan sistem Komuniti Berpagar ini di Selangor?
- b) Nyatakan bilangan komuniti berpagar dan jumlah unit rumah terbabit mengikut PBT?

**YB. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Terima kasih Sementa dan terima kasih Tuan Speaker, seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa konsep perumahan komuniti berpagar pada awalnya adalah terhad kepada pembangunan kediaman berstrata ataupun berbilang tingkat seperti kondominium, *apartment* mewah dengan menawarkan kemudahan harta bersama ataupun *common property* seperti kolam renang, rumah kelab *house* dengan izin perkhidmatan keselamatan sukan dan rekreasi namun seiringan dengan kemajuan dengan peredaran zaman konsep ini telah diambil dan diguna pakai oleh pemaju perumahan bagi projek perumahan jenis bertanah ataupun *landed development housing project* dengan izin mengandungi rumah teres, rumah teres berkembar, banglo dan lain-lain.

Oleh itu pindaan terhadap Akta Hak milik Strata 1995 pada 12 April 2007 telah dibuat untuk membenarkan pembangunan Gated Komuniti bagi projek pemajuan perumahan

jenis bertanah ataupun *landed development*. Baru-baru ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan satu *guard line* atau garis panduan bagi perumahan *gated* komuniti dan *guarded neighborhood* dengan izin dan kebanyakan daripada garis panduan tersebut adalah sama seperti garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 2007. Walau bagaimanapun terdapat satu perbezaan yang penting iaitu kalau kita lihat *guard line* ataupun garis panduan yang dikeluarkan oleh KPKT atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memerlukan hanya persetujuan majoriti sahaja agar skim ini dilaksanakan iaitu kalau majoriti ianya 51% sahaja.

Walaupun bagaimanapun menurut garis panduan yang pernah yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor garis panduan kita menetapkan 85% persetujuan barulah satu-satunya skim *gated* dan *guarded* komuniti itu dengan izin boleh dilaksanakan oleh itu sebelum kita menerima pakai akan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pihak Kerajaan negeri sedang mengaturkan satu pertemuan dengan pihak KPKT untuk membincangkan tentang masalah ataupun jumlah peratus persetujuan sebelum *gated* komuniti ataupun *guarded* komuniti ini boleh dilaksanakan. Sementara bagi permohonan baru yang berkonsepkan *gated* komuniti pula kerajaan negeri telah menetapkan ia perlu mematuhi Akta Hak Strata 1995 selaras dengan garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sehubungan dengan jumlah Skim Perumahan Berkonsepkan Komuniti Berpagar sama ada yang mendapat kebenaran atau yang tidak mendapat kebenaran PBT kalau kita lihat bahawa bagi skim berpagar dan berpagar yang mendapat kelulusan PBT adalah 38 tetapi yang tidak mendapat kelulusan PBT adalah 40 skim sementara yang berpagar atau *Guarded* Komuniti dengan kelulusan PBT adalah 74 tetapi yang tiada kelulusan PBT adalah 185, yang berpagar pula dengan kelulusan PBT adalah 1 ini bermakna jumlah skim komuniti berpagar sama ada yang mendapat kebenaran atau tidak bagi seluruh negeri Selangor adalah 338. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Bharu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN WONG KOON MUN  
(KUALA KUBU BHARU)**

**TAJUK : KUALITI BEKALAN AIR**

7. Terdapat aduan bekalan air tidak berkualiti kepada penduduk Selangor.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan statistik dan jenis aduan tentang kualiti bekalan air yang diterima daripada pengguna?
- b) Adakah proses penggantian paip lama telah diselesaikan di seluruh Selangor?
- c) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan bekalan air kurang berkualiti setelah walaupun paip lama diganti?



**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, statistik dan jenis aduan tentang kualiti bekalan air yang diterima daripada pengguna adalah seperti berikut :

Pada tahun 2006, terdapat puratanya 386 aduan sebulan. Dalam tahun 2007, 290. Pada tahun 2008, 252. Pada Tahun 2009, 278 dan pada tahun 2010 iaitu dari bulan Januari hingga September terdapat 280 aduan dan aduan kualiti air yang paling kerap diterima adalah mengenai air berwarna manakala terdapat juga aduan berkenaan dengan air berbau. Antara sebab-sebab utama yang dikenal pasti menyumbang kepada masalah kualiti air adalah paip air uzur dan berkarat serta perpaipan dan tangki air dalam premis pengguna sendiri yang lama dan berkarat yang mana perlu digantikan. Ini merupakan 20.4 % daripada jumlah aduan yang diterima. Walau bagaimanapun keseluruhan bekalan air yang dibekalkan oleh SYABAS adalah sentiasa dipantau oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan ia disahkan menepati piawaian kualiti minum kebangsaan.

Soalan mengenai proses penggantian paip lama di negeri Selangor, projek penggantian paip air lama yang dirancang dalam tempoh konsesi penswastan pembekalan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya masih belum diselesaikan secara menyeluruhnya. Mengikut perancangan SYABAS sebanyak 6000 km paip jenis AC dengan izin *Asbestos Cement* di seluruh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya perlu digantikan dalam tempoh konsesi. Jadi antara 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2008 paip sepanjang 2,543 km perlu digantikan kalau kita mengikut perjanjian konsesi dan pencapaian SYABAS setakat 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2008 adalah 808 km panjangnya. Pada masa kini projek penggantian di tangguh kerana terdapat pembekuan CAPEX dengan izin "*capital expenditure*" pada tahun 2008. Pada masa ini hanya kawasan-kawasan kritikal digantikan dan kalau ada terdapat apa-apa penggantian paip, SYABAS perlu memohon kepada Kerajaan Negeri Selangor dan pada masa yang sama kepada SPAN iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Ini kerana pada masa ini, kita sedang menjalankan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Selangor dan ini perlu diselesaikan dengan segera supaya kita boleh menyambung lagi proses penggantian paip.

Antara sebab-sebab faktor yang menyebabkan bekalan air kurang berkualiti walaupun paip lama digantikan adalah biasanya kerana perpaipan dalam rumah ataupun tangki air itu uzur dan berkarat dan ini dari segi pengguna mereka juga perlu mengganti kedua-dua ini.

**TUAN SPEAKER** : Baik Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker soalan No. 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK** : **SISTEM TENDER TANAH**

8. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan tanah-tanah milikan kerajaan negeri yang telah ditenderkan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2007-2010.
- b) Badan/ jabatan manakah yang bertanggungjawab untuk memantau sistem dan proses tender tanah dan apakah kriteria yang ditetapkan?
- c) Adakah tanah milik anak syarikat Negeri Selangor yang tidak dibayar premium juga akan ditenderkan dan senaraikan tanah milikan anak-anak syarikat Negeri Selangor yang telah ditenderkan daripada tahun 2007-2010.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Yang Berhormat dari Rawang. Mengenai sistem tender tanah, iaitu senaraikan tanah milikan kerajaan negeri yang sudah ditenderkan mengikut pecahan daerah dari tahun 2007 ke 2010. Kedua, mengenai badan dan jabatan manakah yang bertanggungjawab untuk memantau sistem dan proses tender tanah dan apakah kriteria yang ditetapkan. Ketiga, adakah tanah milik anak syarikat negeri Selangor yang tidak dibayar premium juga ditenderkan dan senaraikan tanah milikan anak-anak syarikat negeri Selangor yang ditenderkan dari tahun 2007 sehingga sekarang?

Pada masa ini tidak ada tender yang dibuat di daerah Sepang dan di Kuala Selangor, tiada permohonan tanah secara tender diterima. Tetapi kita ada mengeluarkan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian PTG pada Jun 2010. Pihak PTG dan Pentadbir Tanah Daerah dijangka membuat hebahan kepada orang awam mengenai jualan tanah Kerajaan Negeri secara tender melalui *Website* SUK Setiausaha Kerajaan jdan PTG dan semua PBT serta Lembaga Perumahan Hartanah Selangor dan hebahan lain yang difikirkan sesuai selama satu bulan.

Maklumat yang dihebahkan adalah seperti berikut; Pertama, lokasi tanah berserta pelan tanah, keluasan tanah, kegunaan yang dibenarkan, *zoning*, polisi Kerajaan Negeri yang perlu dipatuhi bagi cadangan pembangunan dan kemudian pemohon yang berminat perlu mendapatkan senarai semak berserta borong permohonan dan mengemukakan harga yang hendak ditawarkan kepada pihak PTG. Bayaran pemprosesan hendaklah dikemukakan setelah permohonan diterima pihak PTD dan dikehendaki menyediakan kertas ringkasan untuk pertimbangan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah Dan Sumber Alam bagi memilih pemohon yang berkelayakan berserta syarat-syarat tertentu. Setelah semua ini dilakukan barulah Borang 5A dan premium berdasarkan harga belian yang dipersetujui.

Oleh itu, proses untuk tanah milik PKNS yang ditenderkan mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:

Di Daerah Petaling tapak pam minyak seluas 19167 kaki persegi di SS 4B/10 Sg. Way. Kedua, tapak pam minyak seluas 14987 kaki persegi di SS 3/39 Kelana Jaya. Di Daerah Hulu Langat, kawasan Perindustrian Cheras Jaya seluas 3003 kaki persegi, iaitu di nombor 2 Jalan 6B PT atau pun geran tanah 23629 No. 4 Jalan 6B PT 23630. Tapak perniagaan juga seluas 2089 meter persegi di Seksyen 4 Bandar Baru Bangi dan tapak perniagaan seluas 1.6 ekar di Seksyen 4 Bandar Baru Bangi. Kesemua ini dibuat secara terbuka dan mereka yang berminat boleh mengikuti perkembangan mengenai sistem tender tanah di web SUK atau melalui Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.

**TUAN SPEAKER :** Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker, soalan saya soalan No. 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE YING HA  
(TERATAI)**

**TAJUK: USAHA UNTUK MENARIK PELABURAN KE SELANGOR.**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sejak tahun 2008 berapakah kawasan yang telah dinaiktarafkan oleh kerajaan untuk menarik pelaburan?
  - b) Sila nyatakan projek atau program yang dilancarkan oleh kerajaan untuk memudahkan pelaburan.
  - c) Berapakah kesannya dengan *One-Stop-Centre* untuk menolong pelabur-pelabur?

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, Yang Berhormat Teratai bertanya sejak tahun 2008 berapakah kawasan yang dinaiktarafkan oleh kerajaan untuk menarik pelaburan. Jawapannya ialah bagi tahun 2009 sebanyak RM28 juta telah diperuntukkan oleh MIDA di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan bagi menaik taraf 24 kawasan perindustrian di negeri Selangor. Yang Berhormat Teratai juga tanya sila nyatakan projek atau program yang dilancarkan oleh kerajaan bagi memudahkan pelabur. Bagi memudahkan para pelabur untuk melabur di Selangor, kerajaan negeri telah melaksanakan beberapa program tersebut.

1. Menubuhkan unit pelaburan dan melantik pegawai pelaburan di setiap Pihak berkuasa Tempatan. Pegawai Pelaburan berperanan sebagai pemudah cara di mana para pelabur boleh mendapatkan khidmat nasihat bagi memudahkan urusan kelulusan dengan pelbagai jabatan yang berkaitan di dalam sistem pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Menerusi langkah ini proses kelulusan setiap permohonan yang dikemukakan oleh para pelabur dapat dipantau dan secara langsung membantu mempercepatkan tempoh kelulusan sesuatu permohonan. Penubuhan Unit Pelaburan dan Perdagangan adalah untuk memantapkan lagi peranan dan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan dalam urusan pelaburan dan perdagangan terutamanya yang meliputi kawasan PBT.
2. Membentuk *Industrial Park Management Community* IPMC di setiap kawasan perindustrian bagi memudahkan para pelabur menyuarakan sebarang isu yang dihadapi yang melibatkan isu-isu berkenaan penyelenggaraan kawasan-kawasan perindustrian di negeri Selangor.
3. Mempercepatkan proses permohonan seperti permohonan sijil layak menduduki, permohonan kelulusan plan bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri dan pelabur menerusi *one stop centre* yang di tubuhkan di setiap PBT.

4. Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian dan perkhidmatan kerajaan di semua peringkat termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
5. Penubuhan Jawatankuasa Pemudah Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di negeri Selangor.

Yang Berhormat Teratai juga tanya berapa kesannya dengan *one stop centre* untuk menolong pelabur-pelabur. Jawapannya ialah *one stop centre* berperanan penting dalam membantu para pelabur di mana *one stop centre* berperanan untuk :

1. Memberikan maklumat berkenaan proses pelaburan kepada para pelabur baru yang ingin melabur di Selangor.
2. Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti permohonan sijil layak menduduki, permohonan kelulusan pelan bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan oleh industri atau pelabur menerusi *one stop centre* yang ditubuhkan di setiap PBT.
3. Ketiga membantu para pelabur menyelesaikan isu atau permasalahan yang dihadapi.

Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker sebenarnya soalan yang ketiga yang saya tanya ialah berapa kesannya dengan *one stop centre* untuk menolong pelabur-pelabur. Kita faham fungsi *one stop centre*, tapi kita nak cari macam mana kita menilai keberkesanan ini *one stop centre*. Dan soalan tambahan saya ialah adakah Kerajaan Negeri Selangor berkuasa untuk menentukan kawasan-kawasan perindustrian yang haruslah dinaiktarafkan atau adakah tempat-tempat dinaiktarafkan adalah ditentukan oleh Kerajaan pusat. Sekian, terima kasih.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Sebenarnya tentang berapa kesannya *one stop centre* ini saya rasa ini berubah dari PBT- ke PBT kerana anggota yang dalam *one stop centre* di setiap PBT ini adalah berlainan. Dan sebenarnya bagi pelabur yang menghadapi masalah mereka sebenarnya kebanyakan mereka meminta bantuan daripada *Selangor State Industries Centre* atau SSIC. Jadi SSIC ini memberi perkhidmatan *one stop centre* untuk membantu pelabur khususnya pelabur asing yang tidak tahu macam mana membuat permohonan ataupun menyelesaikan masalah-masalah tertentu yang berkaitan dengan agensi kerajaan, jadi SSIC akan menghulurkan bantuan kepada mereka.

Berkenaan dengan kawasan perindustrian, sebenarnya bagi kerajaan negeri kita tidak mempunyai begitu banyak sumber untuk menaik taraf kawasan-kawasan perindustrian. Kerana yang menaik taraf banyak kawasan perindustrian khususnya di kawasan seperti di kawasan dekat Banting dan sebagainya yang mana banjir selalu berlaku yang mana jalan yang terlibat adalah jalan di bawah bidang kuasa JKR dan sebagainya. Memang ini melibatkan perbelanjaan yang amat tinggi.

Sebenarnya yang kita memang menghadapi masalah dari segi ini di mana kita lihat yang negeri Selangor kita menyumbang lebih kurang 25% KDNK kepada Kerajaan Persekutuan atau pun Malaysia secara keseluruhan. Tetapi kesannya selalunya kita lihat kawasan perindustrian di negeri Selangor ini di sesetengah tempat khususnya di luar bandar memang kita lihat yang keadaannya teruk sangat. Kami telah banyak membentangkan masalah seperti ini kepada pihak MIDA dan bagi saya, saya juga Ahli Parlimen Pakatan Rakyat juga bentangkan banyak kali bawa isu ini dalam perbahasan Dewan Rakyat di Parlimen. Jadi kita lihat MIDA mereka telah pun cuba sedaya upaya menghulurkan bantuan kepada para pelabur di kawasan perindustrian yang memang teruk keadaannya.

Jadi dalam dari segi ini saya mengakui ini adalah satu masalah yang kita hadapi di Selangor dan saya berharaplah melalui permintaan daripada Persatuan Pelabur dan juga Pihak Kerajaan Tempatan juga Kerajaan Negeri kita berharap pihak Persekutuan akan menyalurkan lebih bantuan kewangan untuk menaik taraf lagi kawasan perindustrian di negeri Selangor kerana yang kesemua cukai yang dibayar oleh mereka kecuali cukai tanah dan cukai pintu semua cukai jualan dan juga cukai pendapatan semua ini pihak perindustrian, pihak pelabur beri kepada Kerajaan Pusat. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya silakan Dusun Tua.

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI** : Saya mendengar tadi Yang Berhormat EXCO memberitahu yang MIDA membelanjakan 20 juta untuk menaik taraf infrastruktur kawasan-kawasan perindustrian di Negeri Selangor. Saya yakin Negeri Selangor juga sedikit sebanyak perlu menyumbang ataupun menyediakan peruntukan ke arah itu. Jadi setakat ini berapa peruntukkan sebenarnya kerajaan negeri beri dibandingkan dengan MIDA yang dah beri kepada kerajaan negeri. Terima kasih.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Sekarang saya tak ada statistik berkenaan yang berapa kerajaan negeri telah pun bayar, tapi apa yang ingat ialah khususnya pada tahun lepas apabila berlakunya banjir yang di kawasan perindustrian Banting yang mana dua orang pekerja asing mati lemas, mereka mati dalam keadaan banjir di kawasan itu] memang pihak UPEN telah mengeluarkan lebih kurang 100 ribu untuk membaiki keadaan longkang dan juga parit di kawasan itu, jadi yang berkenaan lain setakat ini saya tidak ada maklumat tapi kalau Yang Berhormat berminat mungkin kita boleh memberi jawapan secara bertulis.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Meru. Tidak hadir. Kampung Tunku.

**YB. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, soalan saya yang ke 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK** : **TANAH PERKUBURAN DI DAERAH PETALING**

11. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan caruman kepada tabung pembangunan tanah perkuburan di Selangor daripada para pemaju?
- b) Sila memberi penerangan tentang pembangunan tanah-tanah perkuburan baru di negeri Selangor.
- c) Adakah kerajaan Selangor bercadang untuk menggalakkan orang ramai untuk cara krematorium dan menara abu mayat (*ash tower*) untuk menjimatkan penggunaan tanah?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat dari Kampung Tunku yang membangkitkan satu perkara mengenai perkuburan di daerah Petaling, dan bukan di daerah Petaling sahaja dalam perbincangan kita perkara ini dianggap menghantui [kubur- kita cakap tentang menghantui] rakyat Negeri Selangor kerana walaupun mereka perlu ada tempat perkuburan tetapi mereka tidak mahu tempat perkuburan itu di tepi kawasan mereka. Jadi, ini masalah yang kita hadapi, dan kedua soalan yang dibangkitkan adalah cadangan Kerajaan untuk menaikkan caruman kepada tabung pembangunan tanah di negeri Selangor daripada para pemaju. Usaha yang kita lakukan pada masa ini, terutama di daerah Petaling tanah di daerah Petaling adalah tidak ada kawasan yang sesuai untuk dibuat tanah perkuburan tambahan pula kosnya sangat tinggi. Oleh sebab itu satu kajian yang kita lakukan untuk tanah perkuburan dan cadangan tanah perkuburan wilayah bersepadu di negeri Selangor kita akan tetapkan tanah-tanah yang sesuai merangkumi satu kawasan seluas 50 ke 100 ekar supaya ia dapat kita tumpukan dan ini dirangka oleh Perancang Negeri Selangor dan kita menyediakan *inventori* pangkalan tanah dan tapak perkuburan yang kita jadikan tanah perkuburan wilayah bersepadu dan jangkaan kita kawasan-kawasan itu daripada segi jarak penghantaran mayat-mayat itu tidak lebih satu jam. Oleh itu, kita ada melakukan beberapa kajian tentang perkara tersebut dan kajian itu dibuat bersama 12 Pihak berkuasa Tempatan dan 9 Pejabat Tanah daerah

Dan kita hendak umumkan tapak-tapak ini dan diwartakan. Walaupun usaha ini menimbulkan beberapa *protes* daripada beberapa kumpulan tetapi kita sedia membuat perbincangan dan boleh menetapkan kawasan-kawasan itu untuk menyelesaikan masalah tanah perkuburan untuk seluruh negeri Selangor. Mungkin tanah perkuburan ini juga untuk Wilayah Persekutuan. Dan kita sudah kenal pasti dan dalam kawasan-kawasan tersebut kita juga akan menggalakkan pembinaan *krematorium* dan *menara abu mayat* ataupun *ash tower* untuk mereka yang menggunakan dan dapat diurus serta dipantau dengan cara yang lebih berkesan. Oleh itu, penyediaan ini sudah kita lakukan dan kita hendak umumkan akhir Disember 2010 sebagai satu penyelesaian masalah tanah perkuburan di daerah-daerah di Selangor termasuk juga di Petaling.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sila, Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Ada masanya Kerajaan Negeri terpaksa mengambil tanah perkuburan yang sedia ada untuk pembangunan, apakah? jenis pampasan yang akan diberi kepada kawasan tersebut atau persatuan tersebut.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Pengambilalihan tanah oleh Kerajaan negeri adalah berasaskan syarat-syarat yang dikenakan *Akta Kanun Tanah Negara*, iaitu mesti mengambil tanah berpandukan penilaian yang dilakukan oleh Kerajaan berasaskan penggunaan tanah. Walaupun ada juga orang yang mengatakan kalau tanah tersebut tanah kubur maka ia dinilai dengan harga yang rendah, bukan itu maksudnya. Caranya tidak begitu. Caranya ia dilihat tentang nilai tanah persekitaran bukan nilai untuk kubur tetapi untuk nilai yang digunakan untuk masa hadapan.

Sebabnya, kerana pemilik-pemilik tanah walaupun terpaksa menjual tanah tersebut, sebab menurut Kanun Tanah Negara pengambilalihan tanah kerajaan tidak boleh di tentang walaupun di mahkamah ia tak boleh ditentang. Penentangan hanya boleh dibuat berhubung dengan harga, yakni harga boleh dibawa ke Mahkamah.

Oleh sebab itu Kerajaan Negeri berpendapat adalah lebih baik untuk kita menentukan harga yang adil kepada penjual dan barulah kita boleh melaksanakan pengambilan alih tanah dan harga yang sesuai biasanya ditentukan oleh Pentaksir Tanah [ *Land Surveyor* ] Pegawai yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Negeri [ *Profesional value* ] yang melakukan penilaian tersebut. Bagaimanapun, kerap kali terdapat perbezaan pendapat tentang nilai tanah. Penjual tanah [orang yang kita milikkan tanah tersebut] sudah tentu menghendaki harga yang lebih tinggi, tetapi ini boleh diadili di Mahkamah.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Soalan tambahan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tentang pembinaan kawasan kubur apakah langkah Kerajaan untuk mengawal dan menyelaraskan program-program yang dilakukan oleh pengusaha swasta ?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Kita sekarang menghadapi beberapa keputusan penting untuk dilakukan. Terdapat juga tentangan kerana terlalu banyak kubur yang di uruskan oleh pihak swasta yang ada kalanya mengenakan bayaran sangat tinggi. Walaupun boleh jadi ada sebab tertentu kerana kedudukan di atas bukit lepas itu lebih dekat, maka sebab itu ada pembayaran lebih. Ia tidak menyelesaikan masalah kehendak perkuburan oleh masyarakat secara awam. Oleh sebab itu kita mula tidak menimbangkan sepenuhnya pengurusan perkuburan ini dilakukan secara penswastaan dan kita mungkin tidak ubah yang sedia ada tetapi yang kemudian nanti kita hendak tentukan.

Perkuburan untuk masyarakat Islam kita minta Majlis Agama Islam Negeri Selangor untuk menjalankan pengurusannya, dan berasaskan harga yang sangat-sangat berpatutan. Untuk perkuburan kaum *Tionghoa* terdapat ada yang inginkan secara swasta ada juga yang inginkan dikelolakan oleh Persatuan-persatuan tertentu untuk menentukan bahawa kos-kos pengendalian perkuburan dapat diterima oleh semua rakyat dan ini hendak kelolakan dan kita hendak tentukan sama ada sesuai untuk persatuan ataupun sesuai untuk diswastakan. Tetapi untuk masa hadapan penggalakan untuk pengurusan perkuburan untuk diswastakan hendak dikurangkan dan kita hanya mungkin menerima jika benar-benar keperluan boleh dilakukan oleh pihak swasta.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Soalan tambahan Puan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Seri Serdang, soalan tambahan. Ya.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Boleh. Terima kasih. Soalan tambahan Yang Amat Berhormat. Banyak benar ke? Kerajaan Negeri nak ambil tanah untuk perkuburan untuk dibangunkan, sedangkan tadi Yang Amat Berhormat memberitahu nak putuskan tanah perkuburan pun dapat bantahan, semua orang tak nak tanah kubur di tepi rumah mereka dan saya nak tahu tentang status tanah perkuburan yang di Puchong, yang seluas 55 ekar itu, macam mana keadaannya dan juga satu lagi permohonan oleh Persatuan Perkuburan Cina Batu 14, Puchong. Terima Kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Hal ini saya sedang timbangkan dan pada Disember ini kita hendak umumkan. Kawasan-kawasan cadangan tanah perkuburan wilayah bersepadu dan kawasan-kawasan ini kita hendak beritahu dan sudah tentulah ramai yang setuju dan ramai juga yang tidak setuju. Jadi kita hendak tetapkan, dan kawasan yang hutan itu kawasan yang kita tidak terima adalah kawasan hutan yang menerima protes yang sangat banyak oleh mereka yang diam di kawasan tersebut. Kita cuba gantikan dengan satu kawasan yang kita rasa boleh diterima dan dapat digunakan oleh banyak masyarakat di sana. Yang Berhormat, apabila mendapat laporan tersebut bolehlah membuat keputusan sama ada menerima atau tidak. Oleh itu, perkara ini kita hendak selesaikan secara menyeluruh untuk negeri Selangor dengan mengambil kira keperluan kawasan perkuburan selama 30 tahun yang mendatang. Pada masa ini untuk penerangan secara umum, nampaknya Hulu Langat menerima bahang yang terlalu banyak sebab kawasan perkuburan banyak tertumpu di kawasan Hulu Langat. Oleh itu, kita terpaksa membuat beberapa penyesuaian supaya tidak terdapat penumpuan di kawasan tersebut.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Puan Speaker, soalan no. 12

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : DENGGI**

12. Demam denggi merupakan penyakit yang sangat berbahaya dan mengancam kesejahteraan hidup dan masyarakat setempat. Walaupun kita kerap didedahkan dengan berita tentang kematian akibat demam denggi ini, masyarakat masih lagi mengabaikan tahap kebersihan rumah dan kawasan persekitaran. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan perlu melipat gandakan usaha untuk bekerjasama dengan masyarakat mencegah penularan penyakit demam denggi ini, selain melaksanakan penguatkuasaan secara tegas dan berterusan membasmi kawasan pembiakan nyamuk.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:



- a) Nyatakan bilangan operasi dan program yang telah dilaksanakan untuk membanteras nyamuk Aedes mengikut PBT dalam Negeri Selangor dari tahun 2008 sehingga kini.
- b) Nyatakan bilangan operasi pemeriksaan dan kompaun yang dikeluarkan mengikut PBT dari tahun 2008 sehingga kini.
- c) Nyatakan bentuk bantuan yang boleh dan akan diberikan oleh PBT kepada masyarakat di kawasan bawah seliaannya jika ingin melaksanakan program gotong royong membasmi denggi.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima kasih Templer, Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan bertungkus-lumus untuk menegakkan kelolaan wabak demam Denggi, Pelbagai usaha dan program telah dilaksanakan di PBT di Negeri Selangor. Dari tahun 2008 hingga September 2010 sebanyak 491,964 operasi telah dijalankan oleh PBT di seluruh Negeri Selangor. Daripada operasi tersebut PBT juga telah melaksanakan program-program basmi denggi bersama penduduk, sekolah, IPTA, IPTS, tapak-tapak pembinaan dan juga kilang-kilang di mana kawasan-kawasan tersebut merupakan kawasan *hot sport* denggi di Negeri Selangor. Bagi tempoh 2008 hingga September 2010, sebanyak 1,198 program telah dilaksanakan yang melibatkan program seperti gotong royong, ceramah, seminar denggi, pengedaran risalah denggi dan lain-lain program.

Tuan Speaker,

Dalam usaha membanteras wabak denggi di PBT Negeri Selangor giat menjalankan operasi-operasi, pemeriksaan premis-premis makanan, tapak-tapak pembinaan, sekolah dan kawasan kediaman. Daripada pemeriksaan tersebut sebanyak RM778,270.00 kompaun telah dikeluarkan. Walau bagaimanapun jumlah kompaun ini tidak melibatkan 4 PBT, iaitu Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Daerah Kuala Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam kerana mengeluarkan kompaun kepada premis yang melanggar peraturan hanya dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah masing-masing.

Tuan Speaker,

Kerajaan Negeri dan khususnya PBT Negeri Selangor mengalu-alukan program gotong-royong dan ingin menganjurkan oleh penduduk. Antara bentuk bantuan yang boleh disumbangkan oleh PBT kepada penduduk adalah seperti memberi khidmat nasihat berhubung denggi serta pameran denggi. Selain itu, PBT juga membekalkan risalah untuk diedarkan kepada orang ramai. Di samping itu juga, pihak penganjur atau penduduk boleh mohon kepada PBT untuk membekalkan ubat membunuh jentik-jentik 'abet' secara percuma untuk diedarkan kepada penduduk. Bagi meningkatkan kesedaran wabak denggi di kalangan penduduk pihak PBT juga membekalkan kain rentang, bena di kawasan-kawasan *hot sport* sebagai peringatan kepada penduduk bawah kawasan yang mereka diami di landa wabak denggi.

Tuan Speaker,

Dari bilangan PBT yang telah membuat operasi dari 2008 sampai September, saya hendak senaraikan sedikit program-program, kompaun-kompaun yang telah dikeluarkan oleh tiap-tiap PBT di dalam kawasan dalam sepanjang tempoh itu.

Majlis Perbandaran Petaling Jaya pada tahun 2008, bilangan program mereka 12, bilangan operasi pemeriksaan 48, bilangan kompaun 44,730. Dalam tahun 2009, bilangan program 12, bilangan operasi 48, bilangan kompaun 26,500. Sampai September 2010, bilangan program 8, bilangan operasi pemeriksaan 48 dan bilangan kompaun ialah 27,780.

Majlis Perbandaran Klang. Bilangan program pada 2008 ialah 99. bilangan operasi pemeriksaan ialah 72,365 dan bilangan kompaun ialah 750. Tahun 2009, bilangan program di Majlis Perbandaran Klang ialah 101, bilangan operasi pemeriksaan ialah 96,722 dan bilangan kompaun ialah 900. Sampai September tahun ini, 55 bilangan program, kompaun yang dikeluarkan, bilangan operasi ini bilangan pemeriksaan ialah 48,278 dan bilangan kompaun ialah 450.

Untuk Majlis Perbandaran Subang Jaya pada tahun 2008 bilangan program ialah 11, bilangan operasi pemeriksaan ialah 19,856 dan bilangan kompaun di Majlis Perbandaran Subang Jaya pada tahun 2008 ialah 189,650 kompaun yang telah dikeluarkan. Untuk tahun 2009, bilangan program ialah 5, bilangan operasi pemeriksaan ialah 27,777 dan bilangan kompaun ialah 109,250 kompaun yang telah dikeluarkan. Dan sampai 2010 September, Majlis Perbandaran Subang Jaya, bilangan program ialah 35, bilangan operasi pemeriksaan ialah 40,687 dan bilangan kompaun ialah 171,350 kompaun yang telah dikeluarkan.

Majlis Perbandaran Kajang sampai sekarang dia telah keluarkan kompaun 82,500.

Majlis Perbandaran Selayang pada tahun 2008 bilangan program 65, bilangan operasi pemeriksaan 288, dan bilangan kompaun ialah 35,000 yang telah dikeluarkan untuk tahun 2008. 2009, 75 bilangan program, bilangan operasi pemeriksaan ialah 288 dan bilangan kompaun ialah 48,000 dan tahun ini 60 program telah dilakukan di Majlis Perbandaran Selayang dan bilangan operasi pemeriksaan 240 dan bilangan kompaun ialah 35,000.

Untuk Majlis Daerah Kuala Langat. 15 bilangan program, 134 bilangan operasi pemeriksaan dan 700 bilangan kompaun untuk tahun 2008. 2009, 30 bilangan program, 670 bilangan operasi pemeriksaan dan 900 bilangan kompaun. Untuk tahun ini, 17 program, 216 bilangan operasi pemeriksaan dan kompaun ialah 450.

Majlis Perbandaran Shah Alam. Pada tahun 2008 telah adakan 4 program, bilangan operasi pemeriksaan ialah 53,566 dan bilangan kompaun ialah 1,648. pada tahun 2009, 5 program, 47,399 bilangan operasi pemeriksaan dan bilangan kompaun ialah 771. Dan untuk tahun ini mereka telah adakan program, 3 program, bilangan operasi ialah 36,501 dan bilangan kompaun ialah 898.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Pada tahun 2008, 64 program telah dilaksanakan, bilangan operasi pemeriksaan 7,675, bilangan kompaun ialah 280. pada tahun 2009, 100 program telah dilakukan dan bilangan operasi pemeriksaan ialah 14,071 dan kompaun yang dikeluarkan ialah 420 kompaun. Untuk tahun ini mereka telah adakan 45 program, 8,467 bilangan operasi pemeriksaan dan kompaun ialah 348.

Untuk Majlis Perbandaran Sepang. 31 program, 7,732 bilangan operasi pemeriksaan dan kompaun-kompaun untuk Majlis-majlis ini dikeluarkan oleh PKD bukan oleh PBT. Sama juga dengan Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Hulu Selangor, kompaun-kompaun yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Majlis Daerah. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Morib.

**YB TUAN HAJI HASIMAN BI SIDOM** : Tuan Speaker, soalan No.13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM  
(MORIB)**

**TAJUK : SKIM MIKRO KREDIT**

13. Kerajaan Negeri telah melancarkan Skim Mikro kredit Selangor (SKIM-SEL) untuk manfaat golongan kurang berkemampuan.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor

- a) Bagaimana perkembangan semasa program ini?
- b) Berapa orangkah yang telah menerima bantuan daripada program ini mengikut daerah?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk membiayai program ini?

**YB DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI** : *Assalamualaikum Warahmatullah* dan salam sejahtera. Tuan Speaker, saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan 113 daripada Bukit Antarabangsa, soalan 134 daripada Balakong, soalan 148 daripada Taman Medan, soalan 248 daripada Meru dan soalan 256 daripada Bangi. Kita ada 7 soalan dan saya hanya tinggal dalam 3 minit sahaja Tuan Speaker. Saya akan memberikan jawapan yang paling ringkas walaupun begitu banyak, ramai yang berminat untuk mengetahui Mikro Kredit ini.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat lebih daripada 3 minit sebab kita akan berhenti pada 11.40 sebab kita mula lewat tadi sebab ada banyak kertas-kertas yang dibentangkan

**YB DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI** : Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Tapi jangan ambil masa panjang sangat.

**YB DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI** : Pendek sahaja. Pertama sekali, Skim Mikro Kredit ini sejak dilancarkan baru berumur 66 hari. Dalam 66 hari ini kita telah memberi, mengeluarkan kepada 211 peminjam-peminjam Mikro Kredit dan perbelanjaan yang telah dikeluarkan ialah RM540,500.00 setengah juta lebih dah. Yang kedua yang ingin disebutkan Tuan Speaker ialah sambutan yang kita terima daripada rakyat sangat-sangat memuaskan. Dan kita bercadang dan sedang pun mengambil langkah-langkah

yang pasti untuk memperkembangkan Mikro Kredit ini merangkumi 5 daerah yang lain, iaitu Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang. Jadi menjadikan semuanya sekali ialah 6 daerah yang termasuk dalam Mikro Kredit yang disebut Mikro Kredit Luar Bandar. Adapun Mikro Kredit Bandar sebagaimana yang telah diumumkan telah diserahkan kepada Yang Berhormat daripada Batu 3 dan beliau saya rasa sedang pun merancang bagaimana cara melaksanakan Program Mikro Kredit untuk masyarakat bandar ini. Sebagaimana yang telah disebutkan untuk Mikro Kredit luar bandar ini RM50 juta telah pun diperuntukkan dan yang di bandar RM20 juta telah pun diperuntukkan.

Untuk yang ketiganya tentang Mikro Kredit ini, perjalanannya sangat-sangat baik. Bayaran balik setakat ini kalau hendak mengukur salah satu daripada kejayaannya ialah bayaran balik. Kita telah memulakan pinjaman dan bayaran balik telah bermula pada 27hb. September dan 6 kali bayaran balik telah dibuat. Untuk pengetahuan Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, peratus pembayaran balik ialah 100 % setakat ini. Jadi oleh kerana ini menggambarkan rakyat yang menerima skim ini begitu bertanggungjawab dan tanggungjawab ini adalah diukur daripada kebolehan mereka mengikuti syarat-syarat dan prasyarat-prasyarat yang telah ditetapkan untuk menjalankan Skim Mikro Kredit ini. Yang pertama, dia punya prasyaratnya ialah tidak lain tidak bukan ialah lulus ujian temu duga kelayakan. Kita ada sedikit temu duga kelayakan. Tidaklah seperti temu duga untuk minta kerja di Jabatan Kerajaan dan swasta tetapi memadailah temu duga untuk mengetahui siapa orangnya, duduk di mana, apa latar belakangnya dan apa perniagaan yang hendak dilaksanakannya dengan menggunakan Skim Mikro Kredit ini. Yang kedua ialah selepas lulus temu duga, mereka diwajibkan menubuhkan kumpulan-kumpulan 5 orang. 5 orang, 5 orang, 5 orang, 5 orang, 5 orang. Daripada 5 orang inilah kumpulan ini akan terus berjalan. Setiap minggu mereka akan berjumpa, bermesyuarat. Dalam pertemuan itulah mereka merenung ke belakang. Dalam masa seminggu itu di mana yang tak betul, di mana yang terkeluar daripada sasaran, di mana yang perlu diperbaiki dan pada masa itu jugalah bayaran pinjaman dibuat secara *cash* oleh peminjam-peminjam tersebut. Selepas itu mereka menjalani latihan wajib selama 3 hari. Tiap-tiap hari 2 jam, 2 jam, 2 jam, 2 jam. Ialah walaupun pinjamannya kecil RM3,000.00 sahaja tapi bila kita letakkan skema peraturan yang sedemikian, inilah yang menyebabkan sehingga kini bayaran baliknya sudah 6 kali 100%. Kemudian jika lulus ujian kefahaman, peserta boleh membentangkan cadangan pinjaman mereka untuk dinilai oleh kumpulan serta kumpulan. Kita ada hendak menilai apa *business* yang dijalankan dan sebagainya dan kita hendak tengok setakat mana *business* itu boleh berlaku dan berjalan berterusan dan dapat membantu dirinya. Bukan sahaja dirinya, dapat membantu keluarganya. Bukan sahaja keluarganya dapat memberi satu model kepada masyarakat tempat mereka diam bahawa sesungguhnya melalui skim ini satu era baru sudah tercetus di kawasan-kawasan di mana skim ini beroperasi dan akhirnya, Tuan Speaker, jika lulus akan diproses dalam 10 hari sahaja. Kita punya KPI 10 hari, tak ada 2 minggu, tak ada 1 bulan, tak ada 2 bulan, tak ada 3 bulan, kita 10 hari. 10 hari mereka akan diberikan apa juga pinjaman yang diperlukan oleh mereka. Yang saya nak sebutkan di sini ya, kita menganggarkan nanti akhirnya sekitar dalam pertengahan tahun yang akan datang ini, 18 ribu orang akan dapat menyertai skim ini. 18 ribu orang, kita ada 6 tempat, 1 tempat ada 3 ribu orang, 6 tempat kita ada 18 ribu orang. 18 ribu orang darab dengan 3 ribu itu lah pembiayaan yang kita perlukan menjelang dalam 8 bulan, 9 bulan atau pun setahun yang akan datang ini.

Jadi ini kalau kita tengok 18 ribu orang yang akan dapat faedah daripadanya bayangkan gambaran yang dapat dibuat tentang *business* kecil seperti makanan, seperti pertanian, seperti solekan, seperti pelancongan, seperti *home stay*, seperti sajian-sajian makanan ringan, pembungkusan, seperti mengusahakan benda-benda yang *waste*, yang dianggap sebagai lebih-lebihan itu diusahakan oleh mereka kita dapati jajaran daripada perniagaan ini akan masuk kepala-kepala orang kampung kerana mereka boleh berjaya. Kalau di Bangladesh mereka berjaya, kalau di Indonesia mereka boleh berjaya, kalau di Thailand mereka berjaya, kalau misalnya di Argentina mereka berjaya, saya tak nampak di Selangor ini terutamanya jika skim ini kita kekalkan dengan cara yang kita buat sekarang ini, saya tidak nampak ada sebab mengapa kita tidak boleh berjaya dan di peringkat awal ini, selama 66 hari ini gambaran kejayaan itu sangat-sangat menggalakkan kita. Dan yang berikutnya yang akhirnya, saya ingin menyebutkan walaupun ialah masa tidak mengizinkan Tuan Speaker, ya, daripada tinjauan yang kita buat skim *cell* ini mempunyai masa depan yang sangat cerah, yang sangat-sangat cerah. Yang pertama sekali ialah pembiayaannya, pembiayaan ringkas. Mereka tidak banyak melalui sistem birokrasi tak banyak. Tak banyak borang yang hendak diisi, bahkan tak ada borang pun kalau ada yang berminat kita datang. Yang namanya kita punya pembantu-pembantu ni. Pembantu-pembantu akan datang, pembantu mikro kredit akan datang pergi ke rumah mereka. Hah! ni dia punya *personalizes* cara yang *personalizes* begini dengan izin ya yang kita dapat bertemu dengan mereka bukan sahaja *personalizes* di peringkat awal kita bertemu dengan peminjam-peminjam tetapi *personalizes* dalam pengertian kita mengenali mereka setiap minggu kita bertemu dengan mereka, setiap minggu kita bertemu dengan mereka. Banyaklah sebenarnya bahkan masalah-masalah bukan sahaja perniagaan. Masalah-masalah di luar perniagaan pun kadang-kadang mereka bercerita dan bersama-sama mereka mencari jalan bagaimana nak menyelesaikan masalah tersebut hasil daripada pertemuan mingguan yang mereka lakukan selama satu jam atau 2 jam pertemuan mingguan tersebut dan yang kita seronok ialah di Selangor ini peluangnya sangat cerah dan dengan komitmen daripada Kerajaan Negeri kita nak meninggalkan satu legasi di Selangor ni Tuan Speaker. Legasinya apa? Legasi menjalankan satu projek dengan bersih, di awalnya bersih, pertengahannya bersih dan di hujungnya pun bersih. Inilah yang kita nak sematkan dalam masyarakat kita dan diharapkan, Insya-Allah Kerajaan yang baru yang mentadbir negeri Selangor ini akan betul-betul di peringkat akar umbi akan meletakkan satu sistem, satu budaya, budaya bersih. Bersih daripada pengurusan kewangan, bersih daripada pengurusan dengan peminjam-peminjam, bersih daripada kata-kata, bersih daripada pertuturan segala-galanya yang inilah rasa saya satu budaya yang sedang kita letakkan dan Insya-Allah dengan izin Allah SWT kita merasakan ini akan berjaya. Saya juga nak menyentuh sedikit sahaja bahawa mikro kredit ini pensyaratan-pensyaratannya, dia yang pertama sekalinya rakyat Malaysia, yang kedua dah tinggal di Negeri Selangor ini 2 tahun, yang ketiga mempunyai harta kekal tidak melebihi daripada RM50,000.00 nilainya, yang keempat mereka peminjam-peminjam dia punya maksimum pinjamannya ialah RM3,000.00 sahaja dan yang kelima kalau misalnya pinjaman-pinjaman yang telah dilakukan yang telah diberikan kepada mereka, mereka harus memenuhi syarat-syarat operasi yang saya sebutkan tadi dan kalau mereka mampu mengikuti syarat-syarat tersebut maka mereka dengan sendirinya akan dimasukkan di dalam senarai peminjam dan saya ingin menyebutkan ya, kita satu lagi kita tidak kira siapa-siapa pun kita tak kira, orang UMNO kita bagi, orang DAP kita bagi, orang PAS kita bagi semua kita bagi. Ramai orang UMNO yang kita bagi tak ada masalah langsung, pada kita langsung tak ada masalah tapi zaman dia dulu masya-Allah...

**TUAN SPEAKER** : Ini dah politik dah.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Itu bezanya.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, dah politik dah. Jangan masuk politik.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Dak... dak... dak... bukan-bukan.

**TUAN SPEAKER** : Ini dah politik dah.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Jadi sebab itu, sebab itu, sebab itu, saya-saya merasakan skim ini, Insya-Allah kita akan dapat merungkaikan segala masalah terutama masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar yang diharapkan skim ini akan mengorak satu langkah yang baru kepada kita di negeri Selangor ini dan Insya-Allah skim ini akan pergi kepada semua masyarakat. Masyarakat India kita akan pergi, masyarakat Tionghoa kita akan pergi, masyarakat Bumiputera kita akan pergi dan sesungguhnya skim ini akan menggambarkan ketelusan kita, keadilan kita dalam mentadbirkan wang rakyat sebanyak RM50 juta yang diserahkan kepada kita. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya turut bertanyakan soalan yang sama berhubung mikro kredit namun bila saya lihat urutan soalan. Soalan saya ditolak sampai ke 113 ya dan soalan saya yang pertama untuk sesi ni nombor 29. Saya kira jawatankuasa yang meneliti soalan-soalan dewan juga harus mengambil sikap yang lebih profesional Tuan Speaker ya kerana kalau mengikut *convention* mana-mana Parlimen atau Dewan dalam setiap sesi soalan yang pertama wajar diberikan kepada Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (tepuk meja). Yang kedua, kita beri kepada Ketua Pembangkang, inilah amalan di Dewan Rakyat pun begitu tetapi saya lihat soalan yang pertama, pengerusi, saya difahamkan pengerusi soalan ini Timbalan Speaker dan soalan yang pertama datang daripada Timbalan Speaker, jadi saya kira kurang cantik kalau amalan ini diteruskan ya, tidak profesional begitu dan saya harap perkara ini dapat diteliti semula lah oleh Tuan Speaker dapat menegur kepada sekretariat atau jawatankuasa berkenaan supaya lebih teliti dan lebih cermat dalam memilih soalan-soalan supaya tidak dilihat sebagai berat sebelah. Saya lihat, saya pun tak tahu kenapa nasib saya sesi ini jauh sungguh nombor 29 dan 113

**TUAN SPEAKER** : Ini sebab dalam pemilihan dalam PKR agaknya lah. (Ketawa).

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tapi kalau tolak soalan saya hujung pun, ahli masih terima saya. Saya nak membangkit soalan mikro kredit ini. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat EXCO ialah, saya dimaklumkan promosinya masih kurang efektif di peringkat bawah kerana ramai rakyat yang memerlukan bantuan dan sokongan dalam program ini masih bertanya-tanya di manakah borang yang boleh didapatkan, apakah prosedurnya jadi saya ingin mencadangkan kalau boleh promosi itu dapat dipertingkatkan. Seterusnya saya dimaklumkan juga Kerajaan Negeri bercadang untuk melantik pegawai-pegawai penyelaras di setiap daerah. Saya ingin bertanya apakah pegawai-pegawai penyelaras ini telah dilantik di setiap daerah untuk memantau program ini dan supaya program ini dapat lebih berkesan lagi. Yang terhormat EXCO juga menyebut bahawa tahap kelulusan ialah RM3,000.00, apakah Kerajaan bersedia

untuk meneliti semula jumlah ini kerana ada sebahagian daripada peniaga-peniaga kecil ini mungkin dalam bidang-bidang tertentu memerlukan sedikit tambahan bagi memajukan perniagaan mereka di peringkat daerah yang berkenaan. Terima kasih.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih ya, Bukit Antarabangsa, saya pun sebenarnya tertanya-tanya juga kenapa Ketua *Backbanchers* kita jauh sangat sebenarnya daripada soalan tetapi apa yang hendak disebutkan tentang promosi ini, kita baru beroperasi di Sabak Bernam. Bagi daerah Sabak Bernam tidak ada masalah langsung dan kita telah pun, telah pun membuka dalam seminggu dua minggu ni membuka kelima-lima daerah yang lain. Sebab itu melalui dan kita... apa yang kita buat apabila kita masuk daerah itu pertama sekali kita bertemu dengan DO. Yang kedua, bila kita masuk ke daerah itu, kita bertemu dengan jawatankuasa pembangunan daerah, yang ketiga kita akan mengadakan ikut kampung, kampung, kampung, kampung misalnya untuk masyarakat India, saya ambil kaum India di kawasan Sabak Bernam kita pergi kampung Naidu misalnya pada 28 September 2010 dan kita dapat memenangi hati 15 orang daripada orang-orang India di situ yang berminat kemudian tu bagi kawasan Hulu Selangor misalnya kita mengadakan perjumpaan dengan masyarakat India juga di Kampung Sejangung, sejangung ni sejiwalah agaknya dan daripada masyarakat kaum Tionghoa pula di Hulu Selangor ni kita pergi ke Kampung Hasan, kebetulannya Kampung Hasan, saya-saya minta maaf (ketawa) bukan-bukannya ini tak masuk dalam-dalam boleh berlaku dan berjalan berterusan dan dapat membantu dirinya. Bukan sahaja dirinya, dapat membantu keluarganya. Bukan sahaja keluarganya dapat memberi satu model kepada masyarakat tempat mereka diam bahawa sesungguhnya melalui skim ini satu era baru sudah teretus di kawasan-kawasan di mana skim ini beroperasi dan akhirnya, Tuan Speaker, jika lulus akan diproses dalam 10 hari sahaja. Kita punya KPI 10 hari, tak ada 2 minggu, tak ada 1 bulan, tak ada 2 bulan, tak ada 3 bulan, kita 10 hari. 10 hari mereka akan diberikan apa juga pinjaman yang diperlukan oleh mereka. Yang saya nak sebutkan di sini ya, kita menganggarkan nanti akhirnya sekitar dalam pertengahan tahun yang akan datang ini, 18 ribu orang akan dapat menyertai skim ini. 18 ribu orang, kita ada 6 tempat, 1 tempat ada 3 ribu orang, 6 tempat kita ada 18 ribu orang. 18 ribu orang darab dengan 3 ribu itu lah pembiayaan yang kita perlukan menjelang dalam 8 bulan, 9 bulan atau pun setahun yang akan datang ini.

Jadi ini kalau kita tengok 18 ribu orang yang akan dapat faedah daripadanya bayangkan gambaran yang dapat dibuat tentang *business* kecil seperti makanan, seperti pertanian, seperti solekan, seperti pelancongan, seperti *home stay*, seperti sajian-sajian makanan ringan, pembungkusan, seperti mengusahakan benda-benda yang *waste*, yang dianggap sebagai lebih-lebihan itu diusahakan oleh mereka kita dapati jajaran daripada perniagaan ini akan masuk kepala-kepala orang kampung kerana mereka boleh berjaya.

Kalau di Bangladesh mereka berjaya, kalau di Indonesia mereka boleh berjaya, kalau di Thailand mereka berjaya, kalau misalnya di Argentina mereka berjaya, saya tak nampak di Selangor ini terutamanya jika skim ini kita kekalkan dengan cara yang kita buat sekarang ini, saya tidak nampak ada sebab mengapa kita tidak boleh berjaya dan di peringkat awal ini, selama 66 hari ini gambaran kejayaan itu sangat-sangat menggalakkan kita. Dan yang berikutnya yang akhirnya, saya ingin menyebutkan walaupun ialah masa tidak mengizinkan Tuan Speaker, ya, daripada tinjauan yang kita buat skim *cell* ini mempunyai masa depan yang sangat cerah, yang sangat-sangat cerah.

Yang pertama sekali ialah pembiayaannya, pembiayaan ringkas. Mereka tidak banyak melalui sistem birokrasi tak banyak. Tak banyak borang yang hendak diisi, bahkan tak ada borang pun kalau ada yang berminat kita datang. Yang namanya kita punya pembantu-pembantu ni. Pembantu-pembantu akan datang, pembantu mikro kredit akan datang pergi ke rumah mereka. Hah! ni dia punya *personalizes* cara yang *personalizes* begini dengan izin ya yang kita dapat bertemu dengan mereka bukan sahaja *personalizes* di peringkat awal kita bertemu dengan peminjam-peminjam tetapi *personalizes* dalam pengertian kita mengenali mereka setiap minggu kita bertemu dengan mereka, setiap minggu kita bertemu dengan mereka. Banyaklah sebenarnya bahkan masalah-masalah bukan sahaja perniagaan.

Masalah-masalah di luar perniagaan pun kadang-kadang mereka bercerita dan bersama-sama mereka mencari jalan bagaimana nak menyelesaikan masalah tersebut hasil daripada pertemuan mingguan yang mereka lakukan selama satu jam atau 2 jam pertemuan mingguan tersebut dan yang kita seronok ialah di Selangor ini peluangnya sangat cerah dan dengan komitmen daripada Kerajaan Negeri kita nak meninggalkan satu legasi di Selangor ni Tuan Speaker. Legasinya apa? Legasi menjalankan satu projek dengan bersih, di awalnya bersih, pertengahannya bersih dan di hujungnya pun bersih. Inilah yang kita nak sematkan dalam masyarakat kita dan diharapkan, Insya-Allah Kerajaan yang baru yang mentadbir negeri Selangor ini akan betul-betul di peringkat akar umbi akan meletakkan satu sistem, satu budaya, budaya bersih. Bersih daripada pengurusan kewangan, bersih daripada pengurusan dengan peminjam-peminjam, bersih daripada kata-kata, bersih daripada pertuturan segala-galanya yang inilah rasa saya satu budaya yang sedang kita letakkan dan Insya-Allah dengan izin Allah SWT kita merasakan ini akan berjaya. Saya juga nak menyentuh sedikit sahaja bahawa mikro kredit ini pensyaratan-pensyaratannya, dia yang pertama sekalinya rakyat Malaysia, yang kedua dah tinggal di Negeri Selangor ini 2 tahun, yang ketiga mempunyai harta kekal tidak melebihi daripada RM50,000.00 nilainya, yang keempat mereka peminjam-peminjam dia punya maksimum pinjamannya ialah RM3,000.00 sahaja dan yang kelima kalau misalnya pinjaman-pinjaman yang telah dilakukan yang telah diberikan kepada mereka, mereka harus memenuhi syarat-syarat operasi yang saya sebutkan tadi dan kalau mereka mampu mengikuti syarat-syarat tersebut maka mereka dengan sendirinya akan dimasukkan di dalam senarai peminjam dan saya ingin menyebutkan ya, kita satu lagi kita tidak kira siapa-siapa pun kita tak kira, orang UMNO kita bagi, orang DAP kita bagi, orang PAS kita bagi semua kita bagi. Ramai orang UMNO yang kita bagi tak ada masalah langsung, pada kita langsung tak ada masalah tapi zaman dia dulu masya-Allah...

**TUAN SPEAKER** : Ini dah politik dah.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Itu bezanya.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, dah politik dah. Jangan masuk politik.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Dak... dak... dak... bukan-bukan.

**TUAN SPEAKER** : Ini dah politik dah.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Jadi sebab itu, sebab itu, sebab itu, saya-saya merasakan skim ini, insya-Allah kita akan dapat merungkaikan segala



masalah terutama masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar yang diharapkan skim ini akan mengorak satu langkah yang baru kepada kita di negeri Selangor ini dan insya-Allah skim ini akan pergi kepada semua masyarakat. Masyarakat India kita akan pergi, masyarakat Tionghoa kita akan pergi, masyarakat Bumiputera kita akan pergi dan sesungguhnya skim ini akan menggambarkan ketelusan kita, keadilan kita dalam mentadbirkan wang rakyat sebanyak RM50 juta yang diserahkan kepada kita. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya turut bertanyakan soalan yang sama berhubung mikro kredit namun bila saya lihat urutan soalan. Soalan saya ditolak sampai ke 113 ya dan soalan saya yang pertama untuk sesi ni nombor 29. Saya kira jawatankuasa yang meneliti soalan-soalan dewan juga harus mengambil sikap yang lebih profesional Tuan Speaker ya kerana kalau mengikut *convention* mana-mana Parlimen atau Dewan dalam setiap sesi soalan yang pertama wajar diberikan kepada Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (tepuak meja). Yang kedua, kita beri kepada Ketua Pembangkang, inilah amalan di Dewan Rakyat pun begitu tetapi saya lihat soalan yang pertama, pengerusi, saya difahamkan pengerusi soalan ini Timbalan Speaker dan soalan yang pertama datang daripada Timbalan Speaker, jadi saya kira kurang cantik kalau amalan ini diteruskan ya, tidak profesional begitu dan saya harap perkara ini dapat diteliti semula lah oleh Tuan Speaker dapat menegur kepada sekretariat atau jawatankuasa berkenaan supaya lebih teliti dan lebih cermat dalam memilih soalan-soalan supaya tidak dilihat sebagai berat sebelah. Saya lihat, saya pun tak tahu kenapa nasib saya sesi ini jauh sungguh nombor 29 dan 113

**TUAN SPEAKER** : Ini sebab dalam pemilihan dalam PKR agaknya lah. (Ketawa).

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tapi kalau tolak soalan saya hujung pun, ahli masih terima saya. Saya nak membangkit soalan mikro kredit ini. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat EXCO ialah, saya dimaklumkan promosinya masih kurang efektif di peringkat bawah kerana ramai rakyat yang memerlukan bantuan dan sokongan dalam program ini masih bertanya-tanya di manakah borang yang boleh didapatkan, apakah prosedurnya jadi saya ingin mencadangkan kalau boleh promosi itu dapat dipertingkatkan. Seterusnya saya dimaklumkan juga Kerajaan Negeri bercadang untuk melantik pegawai-pegawai penyelarasan di setiap daerah. Saya ingin bertanya apakah pegawai-pegawai penyelarasan ini telah dilantik di setiap daerah untuk memantau program ini dan supaya program ini dapat lebih berkesan lagi. Yang terhormat EXCO juga menyebut bahawa tahap kelulusan ialah RM3,000.00, apakah Kerajaan bersedia untuk meneliti semula jumlah ini kerana ada sebahagian daripada peniaga-peniaga kecil ini mungkin dalam bidang-bidang tertentu memerlukan sedikit tambahan bagi memajukan perniagaan mereka di peringkat daerah yang berkenaan. Terima kasih.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih ya, Bukit Antarabangsa, saya pun sebenarnya tertanya-tanya juga kenapa Ketua *Backbenchers* kita jauh sangat sebenarnya daripada soalan tetapi apa yang hendak disebutkan tentang promosi ini, kita baru beroperasi di Sabak Bernam. Bagi daerah Sabak Bernam tidak ada masalah langsung dan kita telah pun, telah pun membuka dalam seminggu dua minggu ni membuka kelima-lima daerah yang lain. Sebab itu melalui dan kita... apa yang kita buat apabila kita masuk daerah itu pertama sekali kita bertemu dengan DO. Yang kedua, bila kita masuk ke daerah itu, kita bertemu dengan jawatankuasa pembangunan daerah,

yang ketiga kita akan mengadakan ikut kampung, kampung, kampung, kampung, kampung misalnya untuk masyarakat India, saya ambil kaum India di kawasan Sabak Bernam kita pergi kampung Naidu misalnya pada 28 September 2010 dan kita dapat memenangi hati 15 orang daripada orang-orang India di situ yang berminat kemudian tu bagi kawasan Hulu Selangor misalnya kita mengadakan perjumpaan dengan masyarakat India juga di Kampung Sejangung, sejangung ni sejiwalah agaknya dan daripada masyarakat kaum Tionghoa pula di Hulu Selangor ni kita pergi ke Kampung Hasan, kebetulannya Kampung Hasan, saya-saya minta maaf (ketawa) bukan-bukannya ini tak masuk dalam-dalam *privatesional treatment* ini tak ada. Pada 29hb Oktober 2010 dan 4hb. November 2010 dan maknanya bila kita dah siap pergi sampai ke kampung-kampung ni yang mana *target* yang kita punya di kampung-kampung saya merasakan tidak ada masalah bahkan ini menjadi *top of the town* lah rasa saya skim mikro kredit sekarang ini. Jadi sebab itu, mungkinlah sebagaimana pengamatan daripada Yang Berhormat mungkin ada yang tak tahu lagi dan sebagainya benda ni pun baru, baru 66 hari dan sebagainya tapi pada kawasan-kawasan yang lain terutamanya kawasan kita di Gombak, agaknya mungkinlah Gombak akan di *cover* oleh satu skim lagi, skim mikro kredit bandar sebab itu mungkin akan mengambil masa yang agak lama sedikit jika dibandingkan dengan luar bandar.

Kemudian tentang pegawai penyelaras, saya tak tahu pula tentang pegawai penyelaras ini sebenarnya tapi bagi kita di skim mikro kredit ini kita ada pengurus cawangan. Pengurus Cawangan inilah yang akan memantau beberapa ramai misalnya ada 5/6 orang yang dikatakan pembantu amanah. Pembantu amanah ini, orang yang beroperasi di peringkat akar umbi di peringkat peminjam-peminjam jadi dia akan memantau, dia akan pergi pusing memantau dengan motosikalnya, dia akan memantau dan daripada pemantauan-pemantauannya itu kita masuk dalam komputer dan saya akan tengok setiap minggu saya akan tengok tentang di mana salahnya, di mana silapnya dan sebagainya dan kita akan berikan teguran bahkan banyak bermesyuarat kita bermesyuarat boleh katakan setiap minggu, setiap dua hari sekali kita bermesyuarat untuk menentukan skim ini berjalan dengan baik. Tentang *silling* ni Yang Berhormat, RM3,000.00, untuk pengetahuan Yang Berhormat ada minta RM1,000.00 sahaja walaupun kita kata RM3,000.00 dia minta RM1,000.00 sahaja jadi kita pun luluskan RM1,000.00 untuk mereka jadi untuk meningkatkan itu menjadi yang lebih daripada itu takut nanti perkataan mikro tu tak berapa nak sesuai kat situ, jadi mikro *financing* ini kalau kita tengok di Bangladesh, Bangladesh hanya lebih kurang dalam RM500.00 begitu sahaja hah! RM500.00 sahaja skim mikro kredit mereka jadi untuk kita RM3,000.00 ni lebih kurangnya mewah sikit lah jika di bandingkan dengan Bangladesh tapi Bangladesh pun tak boleh jadi ukuran kepada nilai *content* yang kita nak berikan kepada peminjam-peminjam. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Masa sudah tamat. Sebelum saya meneruskan urusan mesyuarat. Sukacita saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa yang membangkitkan soalan dari segi aturan soalan jadi sepanjang pengetahuan saya tidak ada amalan di dalam Parlimen Komanwel di mana soalan pertama diberi keutamaan kepada ketua *back venture* sebab di Komanwel pun tak ada ketua *back venture* cuma di Malaysia di wujudkan oleh Barisan Nasional tapi memang ada amalan, ada amalan di Komanwel di mana soalan pertama diberikan kepada ketua pembangkang dan saya dapati bahawa ini juga tidak diikuti oleh jawatankuasa tersebut dan saya akan beri teguran dan peringatan supaya kita kembali kepada landasan amalan Komanwel di mana ketua pembangkang diberi keutamaan sebab mungkin jawatankuasa itu juga mewarisi amalan Barisan Nasional dahulu jadi yang tak betul kita

kena betulkan. Jadi saya ucapkan terima kasih atas peringatan tersebut dan saya persilakan Setiausaha Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang Perbekalan 2011/2010 semua peringkat.

## **V. RANG UNDANG-UNDANG**

### **A) ENAKMEN PERBEKALAN (2011) 2010**

**( Ucapan Pembentangan Belanjawan 2011 oleh YAB Dato' Menteri Besar )**

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Tuan Speaker, Negeri Selangor Bersih dan Indah, aman maju rakyat sejahtera

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat kena bawa...

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Yalah... saya akan bawa

**TUAN SPEAKER** : Pantun dulu ya...

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih pamanis madah, awal bismillah pembuka bicara. *Bismillahi rahman irahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Speaker, sempena hari yang berbahagia ini saya mohon mencadangkan

**TUAN SPEAKER** : YAB.....

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Aa.....

**TUAN SPEAKER** : Saya turunkan Setiausaha untuk memulakan dahulu.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Sudah....sudah...tuan.....Saya mohon mencadangkan suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu untuk dibacakan kali yang pertama.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Rang Undang-undang ini dibacakan untuk kali yang pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini dinamakan satu enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga saya mencadangkan bahawa peraturan tetap 78 supaya ditangguhkan peraturan tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli- ahli Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata Ya.....

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.....

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.....Dipersetujui.....

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker.....Ahli-ahli Yang Berhormat, tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk pengeluaran sejumlah wang tidak melebihi RM80,0460,046.00 dari kumpulan wang disatukan negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 adalah dibenarkan dan jumlah wang ini diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam jadual.

Tuan Speaker, marilah kita mengucapkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana diizinkan-Nya untuk bersama hadir di Dewan Yang Mulia ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua Ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Malaysia yang beragama Hindu. Juga Aidiladha Al-Mubarak kepada semua umat Islam yang bakal menyambutnya pada 17 November. Bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor, saya ingin membentangkan Belanjawan Negeri Selangor 2011 dan tema pada tahun ini adalah "**Hasil Negeri untuk Rakyat**".

Sejak menerajui Pentadbiran Negeri Selangor selepas Pilihan Raya Umum Ke-12 yang lalu, banyak susah senang yang kita lalui; sesungguhnya ia adalah pelajaran yang berharga. Apa yang lebih penting, pengalaman ini menyemarakkan semangat kita untuk terus berani melaksanakan reformasi dalam pentadbiran berteraskan prinsip ketelusan, pertanggungjawaban dan tadbir urus kerajaan yang baik.

Pakatan Rakyat (PR) yang diamanahkan untuk menerajui Kepemimpinan Kerajaan Negeri Selangor berikrar untuk sedaya upaya memastikan ekonomi Negeri Selangor terus dipacu laju agar menjadi negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan, selaras dengan konsep *Baldatun Toyyibatun WaRabbun Ghafur* yang bermaksud 'negeri yang sejahtera dan mendapat pengampunan Allah Subhanahuwataala'

Dengan semangat itu, Belanjawan Negeri Berimbang untuk negeri Selangor bagi tahun 2011 ini hendak dibentangkan sebagai suatu kesinambungan Belanjawan Negeri Selangor bagi tahun 2009 dan 2010.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

#### **Perkembangan Ekonomi dan Serantau:**

Sebagaimana kita maklum, ekonomi dunia dilanda krisis berikutan lemahnya dasar dan amalan yang dilakukan oleh pelbagai pihak. Kegusaran ini dirasakan di seluruh pelosok dunia dan tentulah Malaysia tidak terkecuali.

Namun, pada suku kedua tahun ini, kita dapat melihat berlakunya sedikit anjakan positif dan hal ini memberikan harapan bahawa situasi ekonomi dunia sekarang melalui proses

pemulihan. Meskipun pertumbuhan ini masih perlahan, namun corak peningkatan berterusan dalam sektor perdagangan dan pembuatan industri di negara maju tetap berterusan dalam sektor perdagangan, pembuatan dan industri di negara maju tetap dapat dilihat. Jika dibandingkan dengan tahun lalu, negara-negara seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah, didapati mencatat pertumbuhan positif bermula tahun ini dan ia ditunjukkan melalui peningkatan antara 1.7% hingga 3.2 % Keluaran Dalam Negara Kasar mereka sepanjang suku kedua tahun 2010.

Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang terhadap situasi ini adalah peningkatan mendadak dalam pelaburan tempatan dan swasta serta kerancakan sektor import-eksport negara masing-masing terutama di Brazil, China dan India. Peningkatan perbelanjaan pengguna juga turut memainkan peranan dalam peningkatan momentum pertumbuhan ekonomi global ini.

Pertumbuhan memberangsangkan juga boleh dilihat misalnya pada catatan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di negara Asia seperti Singapura yang mencatat pertumbuhan sebanyak 18.8% bagi suku kedua tahun ini. Antara faktor yang dilihat memberi sumbangan terhadap pertumbuhan ini adalah sektor eksport dan permintaan dalaman. Faktor-faktor lain yang turut mendorong adalah peningkatan signifikan sektor perdagangan borong dan runcit, kekuatan pelaburan tempatan dan luaran serta corak perbelanjaan isi rumah yang stabil.

### **Perkembangan Ekonomi Malaysia dan Selangor**

Malaysia berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi sebanyak 8.9% pada suku kedua tahun 2010. Pertumbuhan ini menunjukkan suatu momentum besar daripada nilai negatif 5.1% pada tahun lalu.

Pertumbuhan positif boleh dilihat dalam aspek Pengeluaran dengan pemangkin utamanya, iaitu Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Selain itu, prestasi menggalakkan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta serta pembentukan Modal Tetap Kasar, di samping pertumbuhan stabil dalam eksport dikenal pasti menyokong pertumbuhan dalam aspek Perbelanjaan.

Sektor pembuatan pula meneruskan momentum bagi dua suku 2010 dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 15.9% . Kesan peningkatan mendadak dalam permintaan dapat dilihat dalam Subsektor Elektrik & Elektronik (23.2%), Kelengkapan Pengangkutan Pembuatan Lain (26.0%) dan Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas Produk Logam yang direka (20.5%) dan pertumbuhan dua digit pada suku tahun ini. Kecuali Subsektor Produk Tekstil, Pakaian, Kulit & Kasut yang jatuh sebanyak 2.7%, semua subsektor yang lain mencatatkan pertumbuhan positif.

Sektor Perkhidmatan yang menyumbang sebanyak 56.9% terhadap KDNK pula, dilihat berkembang kepada 7.3% pada suku kedua 2010. Pertumbuhan ini disokong oleh aktiviti perdagangan dan kewangan.

Subsektor perdagangan Borong & Runcit (8.4%) mendapatkan kesan positif daripada permintaan domestik yang kukuh terutama dalam aktiviti runcit. Subsektor Kewangan & Insurans terus mengukuh sebanyak 8.4% pada suku tahun ini, hasil pemulihan aktiviti perniagaan yang mendorong terhadap permintaan yang lebih tinggi dalam pinjaman bank dan insurans hayat.

Peningkatan petunjuk ekonomi Negara bagi tahun 2010 juga dibantu oleh aktiviti pelaburan yang semakin berkembang. Permintaan domestik yang semakin meningkat didapati memberi tanda aras kepesatan ekonomi yang dibantu oleh perkembangan penggunaan persendirian dan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi. Tambahan pula, keadaan persekitaran kadar faedah yang amat meyakinkan pelabur juga didapati melonjak pertumbuhan ekonomi untuk tahun seterusnya.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Selangor**

Semua perkembangan ini tentulah wajar disambut dengan rasa syukur dan disertai dengan tekad untuk terus memacu pertumbuhan mapan. Kita tidak mempunyai pilihan selain terus mendisiplinkan diri dan memastikan prinsip ketelusan, pertanggungjawaban dalam tadbir urus yang baik diamalkan hingga menjadi budaya kerja. Penggembleran semua pihak hendaklah dilakukan. Warga perkhidmatan awam harus berupaya mentransformasikan perkhidmatan yang cekap, telus dan bertanggungjawab manakala sektor swasta pula harus mampu menjana dan memacu ekonomi terutama dalam sektor perdagangan. Malah, seluruh rakyat di negeri ini harus terus istiqamah dalam usaha meletakkan mandat dan kepercayaan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat untuk terus mentadbir negeri ini.

Selaku negeri yang termaju di Malaysia, Selangor mempunyai peranan penting untuk mengekalkan dan melonjakkan prestasi ekonomi negara. Berlandaskan tahap yang baik beberapa petunjuk ekonomi makro seperti keyakinan peniaga dan keteguhan pengguna, termasuk angka-angka yang meyakinkan dalam perolehan pengeluaran sektor-sektor ekonomi hingga Ogos 2010, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar(KDNK) bagi Negeri Selangor untuk tahun 2010 diunjurkan berada pada tahap 6.1% berbanding penguncupan 1.2% di tahun 2009.

Unjuran ini didasarkan pada telahan output yang dijangka menjadi sederhana menjelang suku keempat 2010, dan situasi eksport negara yang sederhana dan stabil berbanding dengan keadaan suku pertama tahun 2010 yang dianggarkan mencatat pertumbuhan tahun-atas-tahun pada kadar 9.6%.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Selangor disumbangkan oleh 5 sektor utama iaitu perkhidmatan (60.5%), pembuatan(32.4%), pembinaan(5.5%), pertanian (1.5%), dan perlombongan serta kuari (0.1%). Pengembangan sektor pembuatan dan perkhidmatan berjaya membolehkan Selangor Tumbuh lebih baik berbanding negara Malaysia sendiri antara tahun 2007 hingga 2009.

### **Pertumbuhan Nilai ditambah di sektor Ekonomi Selangor Bagi tahun 2010**

#### **Sektor Perkhidmatan**

Untuk tahun 2011, nilai ditambah dalam sektor perkhidmatan diunjurkan menyumbang sebanyak 57.5% terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar(KDNK) negeri pada tahun 2010 dengan pertumbuhan sebanyak 5.0%. Sektor Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan merupakan penyumbang terbesar daripada segi nilai ditambah, dengan mengalami pertumbuhan nilai ditambah sebanyak 4.2%. Sektor Kecil

Perdagangan Borong dan Runcit Penginapan dan Restoran pula merupakan penyumbang kedua terbesar daripada segi nilai ditambah dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 6.5%. Sementara Sektor Kecil Perkhidmatan lain dianggarkan mengalami pertumbuhan sebanyak 4.1% dan Sektor Perkhidmatan Kerajaan diunjurkan mengalami pertumbuhan pada kadar 3.7%.

### **Sektor Perindustrian**

Bagi Sektor Perindustrian, keseluruhan nilai ditambah dianggarkan menyumbang sebanyak 37.3% terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Selangor pada tahun 2010. Sektor ini diunjurkan mengalami peningkatan nilai ditambah sebanyak 7.0% yang disumbangkan oleh peningkatan 7.1% nilai ditambah Sektor Pembuatan. Sektor Pembinaan pula diunjurkan bakal mengalami pertumbuhan positif 6.1%. Keaktifan sektor ini dijangka disumbangkan oleh pembinaan rumah kediaman, kawasan rekreasi, kompleks dan bangunan perdagangan serta kerja baik pulih. Sektor Pembinaan Negara mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.7% pada suku pertama tahun 2010 dan 4.1% di suku kedua.

### **Sektor Utama – Pertanian Perlombongan serta Kuari**

Bagi Sektor Utama Pertanian, nilai ditambah diunjurkan mengalami pertumbuhan 4.7% bagi tahun 2010 berbanding dengan negatif 0.1% pada tahun 2009. Secara amnya, pertumbuhan ini dijangka dibantu oleh prestasi subsektor kecil perikanan, ternakan dan pertanian lain. Bagaimanapun, sehingga Ogos 2010, pengeluaran minyak sawit masih mengalami corak penurunan. Sementara itu Sektor Utama Perlombongan dan Kuari menunjukkan nilai ditambah merosot 1.9% bagi tahun 2010 tetapi lebih baik berbanding kemerosotan pada tahun 2009, iaitu sebanyak 2.5%.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Belanjawan 2011**

Belanjawan Berimbang 2011 dengan tema “Hasil Negeri Untuk Rakyat” saya kemukakan bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor dengan rasa keinsafan bahawa limpahan rezeki kurniaan Allah Subhanahuwataala seharusnya diagihkan secara adil dan saksama kepada seluruh rakyat Negeri Selangor.

Negeri Selangor sudah terbilang  
Disebut Orang Merata-rata  
Adat Pendekar masuk gelanggang  
Siap sedia semua langkahnya

Bagi merealisasikan hasrat ini dan supaya semua rakyat negeri ini mendapat peluang yang sama untuk menikmati hasil yang dijana daripada dasar dan program, Kerajaan Negeri Selangor merangka empat (4) strategi utama.

Empat (4) strategi yang dimaksudkan adalah:

**Strategi Pertama: Menguruskan sumber negeri secara bijaksana**  
**Strategi Kedua: Memantau Pengurusan perbelanjaan yang cekap**  
**Strategi Ketiga: Mendorong pembangunan modal insan**

### **Strategi Keempat: Melestarikan pembangunan negeri**

Semua strategi ini dirangka selari dengan usaha untuk mengukuhkan prinsip ketelusan, pertanggungjawaban dan tadbir urus kerajaan yang baik. Izinkan saya menjelaskan semua strategi ini dengan lebih terperinci.

**Strategi Pertama; Menguruskan Sumber Negeri Secara Bijaksana** meliputi usaha menghidupkan sumber terbiar, mendapatkan pulangan optimum iaitu penjana hasil dengan mengambil faktor kelestarian alam sekitar serta pengagihan hasil mengikut keperluan.

Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) merupakan program utama Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor. Setakat ini, Fasa Pertama dan Fasa Kedua sedang giat dilaksanakan. Ia meliputi pembentukan Tabung Warisan Anak Kelahiran Selangor (TAWAS); Bekalan Air Percuma bagi 20 meter padu; hadiah Anak Masuk Universiti; Skim Mesra Usia Emas (SMUE); Mewujudkan Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC) dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang; seterusnya diikuti dengan Kemudahan Cuti Bersalin (90 hari); Kemudahan Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin (14 hari) dan Cuti Kematian Suami (30 hari).

Program merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) hendak digiatkan lagi pada tahun 2011 dengan peruntukan sebanyak RM34.5 juta untuk menampung bayaran bagi 20 meter padu air percuma kepada rakyat Selangor yang menggunakan meter secara individu. Hasrat untuk membantu rakyat Selangor ini diteruskan lagi dengan memperuntukkan sebanyak RM8 juta bagi menampung bayaran 20 meter padu air percuma kepada yang menggunakan meter secara pukal. Jumlah ini lebih kecil daripada peruntukan yang diberikan sepanjang tahun 2009 dan 2010, iaitu RM100 juta kerana kita menjangkakan rundingan penstrukturan semula industri air di Selangor selesai pada hujung tahun ini, insya-Allah.

Sebanyak RM7.5 juta pula diperuntukkan untuk Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), RM7.7 juta untuk Hadiah Anak Masuk Universiti, RM21.4 juta untuk Skim Mesra Usia Emas, RM50 ribu untuk Pusat Khidmat Sehenti dan RM1 juta untuk tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang.

Keseluruhan program ini bertujuan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat negeri Selangor serta menjadi bukti bahawa rakyat boleh menikmati lebih daripada milikan yang terpaksa mereka bayar sebelum ini sekiranya pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor benar-benar mahu mengamalkan sikap kepedulian kepada rakyat. Kerajaan Negeri Selangor sedar betapa amanah yang ada ini harus mencerminkan kerajaan daripada rakyat kepada rakyat (*government by the people, for the people*) dan bukan jenis kerajaan yang memaksa dan membeli rakyat.

Kerajaan Negeri Selangor akan melancarkan beberapa Program Merakyatkan Ekonomi Selangor Fasa -3, antaranya Skim Kredit Mikro, Skim Kesihatan Wanita dan Takaful Orang Kelainan Upaya (OKU).

Kerajaan Negeri sudah pun melancarkan Skim Kredit Mikro yang dikenali dengan nama SKIMSEL yang memperuntukkan sebanyak RM50 juta yang disalurkan di bawah Yayasan Dar Al-Qard Al-Hasan. Peruntukan ini bakal memberi fokus kepada kumpulan sasaran di luar Bandar. Bagi menangani isu kemiskinan dalam Bandar pula, Skim



Kredit Mikro Miskin Bandar (MIMBAR Selangor) bakal dibentuk dan beroperasi pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak RM20 juta. Peruntukan RM70 juta ini disalurkan oleh Menteri Besar (MBI)(Pemerbadanan) hasil dari penyelesaian hutang Syarikat Kumpulan Talam.

Bagi Skim Kesihatan Wanita, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM1 juta bertujuan membantu kaum wanita membuat pemeriksaan kanser payudara (memogram) secara percuma. Skim Takaful Orang Kelainan Upaya (OKU) pula bakal dimasukkan bersama dalam Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

Sidang Dewan yang dimulakan,

Di samping merakytakan hasil negeri, Kerajaan Negeri Selangor juga berusaha untuk meningkatkan hasil pendapatan yang ada atas kesedaran bahawa “kita tidak boleh memberikan sesuatu jika kita tidak punyai sesuatu”. Dalam konteks ini, jika kita tidak mempunyai hasil yang cukup, akhirnya yang diagihkan itu nanti hanyalah kemiskinan.

Penyumbang utama terhadap Hasil Kerajaan Negeri Selangor adalah kutipan hasil cukai dan urus niaga berkaitan tanah oleh Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Pejabat Tanah Galian Selangor (PTGS). Kutipan hasil tersebut adalah sebanyak 75% hingga 80% daripada keseluruhan hasil negeri setiap tahun.

Masalah ekonomi global 2009 turut memberi kesan tidak langsung terhadap prestasi kutipan hasil. Bagi menangani masalah tersebut, Kerajaan Negeri melancarkan Ops Kutip dengan pendekatan ketuk pintu premis penunggak tegar. Hasilnya, sebanyak RM8 juta cukai yang tertunggak berjaya dikutip sehingga September 2010. Usaha ini bakal diteruskan dengan penubuhan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah Negeri Selangor yang terdiri daripada Perbendaharaan Negeri Selangor, Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah Galian Selangor. Bermula September 2010, tumpuan diberikan kepada penunggak tegar dan penyelesaian hak milik bermasalah dengan sasaran kutipan sebanyak RM152 juta menjelang akhir tahun 2011.

Selain itu, anak-anak syarikat dan agensi milik Kerajaan Negeri Selangor tidak terkecuali daripada membayar tunggakan cukai tanah. Sehingga September 2010, jumlah cukai tertunggak oleh anak-akan syarikat dan subsidiarinya ini mencecah RM89 juta. Usaha membayar cukai ini sangat dihargai kerana jumlah asalnya adalah sebanyak RM102 juta. Anak-anak syarikat haruslah lebih proaktif dan menyelesaikan cukai tertunggak ini pada masa hadapan.

Bagi menggalakkan pembayaran cukai tanah oleh individu dan syarikat, Kerajaan Negeri meneruskan Insentif Pengurangan Denda Lewat Cukai Tanah sehingga 50 peratus melalui Pentadbir Tanah. Bagi pengurangan sehingga 100 peratus pula adalah melalui pertimbangan Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) berdasarkan terma dan syarat ditetapkan. Kutipan hasil cukai tanah sehingga 30 September 2010 menunjukkan peningkatan sebanyak 4.1% atau RM16.16 juta iaitu sebanyak RM410.85 juta berbanding pada tempoh yang sama tahun lalu, RM394.69 juta.

Bagi menghargai usaha dan tenaga yang dicurahkan oleh Pejabat Tanah Daerah untuk mengutip hasil negeri, Kerajaan Negeri Selangor memperkenalkan Insentif Prestasi Pejabat Tanah Daerah yang berjaya mencapai sasaran kutipan hasil. Kerajaan Selangor menawarkan RM75,000 kepada mana-mana Pejabat Daerah yang berjaya

mencapai sasaran 90% kutipan cukai tahun semasa dan 70% tunggakan Cukai Tanah. Insentif ini sedia diteruskan bagi tahun 2011 agar dapat mengisi tabung kebajikan para pegawai kerajaan yang bertungkus lumus mencapai sasaran.

Bagi memantapkan kutipan hasil bukan cukai seperti premium tanah Kerajaan Negeri Selangor dijangka melaksanakan Insentif perlanjutan tempoh pajakan hak milik yang bakal tamat tempoh pajakan. Pejabat Tanah dan Pejabat Pendaftar Daerah Petaling dijadikan perintis program ini sebelum diikuti oleh semua Pejabat Tanah Daerah (PTD) yang lain. Program ini dijangka dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun sahaja mengikut garis panduan dan syarat yang ditetapkan.

Sidang dewan yang dihormati,

Saya berpendapat wujud kekeliruan dalam Laporan Audit Negara 2009 berkaitan hasil pasir. Ia demikian kerana sebenarnya hasil pasir bukan sahaja daripada kutipan royalti tetapi termasuk keuntungan yang diperolehi oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., syarikat milik Kerajaan Negeri. Data yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan kutipan hasil pasir banyak meningkat daripada tahun-tahun sebelumnya.

Selain itu, tindakan tegas penguatkuasaan untuk membanteras kecurian pasir turut membantu peningkatan kutipan hasil pasir sekali gus mengatasi masalah ketirisan hasil pasir. Kerajaan Negeri Selangor juga mengambil tindakan tegas terhadap pemilik tanah yang mengeluarkan pasir secara haram atau dengan sengaja membiarkan kecurian pasir berlaku tanah miliknya. Berdasarkan rekod, sebanyak 96 tangkapan dilakukan antara Januari dan Oktober tahun ini.

Satu daripada faktor peningkatan kutipan hasil pasir ini adalah apabila 10% keuntungan yang diperolehi oleh KSSB turut dikongsi dengan semua Ketua Kampung seluruh Negeri Selangor melalui skim insentif oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memantau kecurian pasir. Meskipun keuntungan adalah penting dalam isu ini tetapi pendekatan yang Kerajaan Negeri lakukan ini berjaya menzahirkan sentimen pemilikan dalam diri setiap rakyat Negeri Selangor, iaitu hasil pasir adalah hasil yang perlu dipertahankan.

### **Hasil Cukai Hiburan**

Hasil Cukai Hiburan juga merupakan hasil cukai tidak langsung yang dikutip oleh Kerajaan Negeri Selangor. Setakat September 2010 kutipan mencecah RM26.4 juta meningkat 23% berbanding dengan jumlah kutipan RM21.5 juta bagi tempoh yang sama pada 2009. Kutipan ini dijangka meningkat sehingga RM30 juta untuk tahun ini. Peningkatan ini adalah kerana pemantauan berterusan yang terhadap pengusaha pusat hiburan. Kita menganggarkan jumlah yang sama dikutip bagi tahun hadapan.

Pendapatan Kerajaan Negeri Selangor juga termasuk Terimaan yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Terimaan ini dimasukkan ke dalam Akaun Terimaan Bukan Hasil dan Akaun Amanah. Sehingga akhir Oktober 2010, Terimaan ini berjumlah RM417.23 juta. Jika dibandingkan dengan Terimaan pada tahun 2009, ia menunjukkan peningkatan sebanyak 2%.

Bagaimanapun, Pemberian Pertambahan Hasil kepada semua Negeri pada tahun 2010 tidak dapat diberikan kerana tiada pertambahan hasil bagi tahun 2009 berbanding tahun 2008. Berdasarkan laporan Penyata Hasil oleh Jabatan Akauntan Negara untuk negara

Malaysia, jumlah hasil Persekutuan pada 2009 sebanyak RM158.64 bilion, merosot sebanyak RM1.15 bilion berbanding tahun 2008. Hasil Kerajaan Negeri Selangor dianggarkan meningkat sebanyak 10% menjadi RM1.43 bilion tahun hadapan berbanding anggaran hasil RM1.3 bilion pada tahun ini. Kerajaan Negeri Selangor juga merancang melakukan satu kajian berkaitan Enakmen yang selama ini menghalang syarikat milik Kerajaan Negeri membuat pelaburan di luar negara. Dalam kederasan arus globalisasi kini, pendekatan pelaburan di luar negara ini boleh menjadi punca pendapatan yang boleh meningkatkan hasil negeri Selangor.

Tuan Speaker Yang Saya Muliakan,

### **Hasil Baharu**

Selain pendapatan yang dinyatakan, Kerajaan Negeri Selangor juga menggalakkan penerokaan hasil baharu dengan pendekatan mapan terhadap ekonomi dan alam sekitar. Sambil meneruskan pemberian air percuma sebanyak 20 meter padu sebagai suatu program pemberian semula kepada rakyat, Kerajaan Negeri Selangor ingin memulakan Kempen Konservasi Air atau Penyimpanan Air bermula tahun hadapan yang antara lain termasuk kegiatan mempromosi kegiatan tadahan air hujan. Kita harap Kerajaan Persekutuan juga turut memberi perhatian terhadap pandangan ini secara serius melalui pengubalan dasar dan undang-undang yang sewajarnya.

Berkaitan dengan '*blue dollar*' atau penjanaan ekonomi berasaskan sumber air, Kerajaan Negeri Selangor bakal meneruskan Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan sebelum ini, iaitu Projek Pemulihan dan Pembangunan Sungai Klang. Projek yang dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ini bukan sahaja untuk membersihkan sungai, tetapi meningkatkan peluang rekreasi, pelancongan, kualiti hidup dan nilai tanah. Kita berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberi maklum balas yang baik dengan memasukkan projek '*River of Life*' ke dalam program *The Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang*.

Sungai-sungai lain seperti Sungai Penchala (dalam program Satu Negeri Satu Sungai) juga bakal dikembangkan. Kerajaan Negeri Selangor amat berharap semua pihak; masyarakat, peniaga, kerajaan dan swasta – sedia terlibat dalam program ini.

Pada tahun 2011, Kerajaan Negeri Selangor perlu bersedia dengan kemungkinan terlibat dalam penyusunan semula penstrukturan industri air yang dijangka selesai pada hujung tahun ini.

Andainya ia berhasil, aset Kerajaan yang tidak kita kira sekarang berjumlah sekitar RM10 ribu juta ringgit yang selama ini digunakan secara percuma oleh Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) mula dijana untuk mendapat pulangan hasil demi memberi manfaat kepada rakyat terbanyak.

Hasil baharu juga bakal diusahakan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi untuk meningkatkan pendapatan melalui pertanian dengan usaha menghasilkan padi daripada 5.1 tan sehektar kepada 7.5 tan sehektar. Rancangan ini melibatkan 9,300 orang keluarga petani. Kerajaan Negeri Selangor bertekad untuk terus membantu para petani melalui Projek Peningkatan Hasil Padi ini yang didapati menunjukkan hasil memberangsangkan sejak pelancarannya terutama di kawasan Kuala Selangor dan Sabak Bernam meskipun halangan yang kita hadapi bukanlah sedikit.

Strategi baharu yang hendak dilaksanakan termasuk menambah bilangan petani menggunakan pemindah (*transplanters*) serta penggunaan teknologi yang dikenali sebagai Sistem Penguat Akar (SRI, *System Of Root Intensification*). Kaedah ini sudah digunakan di Indonesia dan Kelantan yang membolehkan pengeluaran sebanyak 12 hingga 13 tan sehektar. Dalam jangka masa panjang, kita berharap proses ini mampu mendorong kewujudan komuniti yang dapat memprosesnya sendiri, menarik minat generasi muda untuk terlibat dalam bidang ini, dan seterusnya mewujudkan usahawan tani dengan keupayaan untuk mengurus sendiri. Bagi tahun 2011 kita memperuntukkan sejumlah RM3.2 juta untuk pembangunan pertanian ini.

Selain itu, hasil baharu yang cuba diusahakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah melalui Penggalakan Sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan mewujudkan Pusat Pengumpulan Produk dan pengenalan produk berasaskan tempat asal melalui Projek ' Satu Kampung Satu Produk'.

Projek ini bakal diserap sebagai satu aktiviti Model Ekonomi Desa. Ia mengambil kira sumbangan Sektor Perkhidmatan terhadap Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK) Selangor dan dasar liberalisasi Kerajaan Persekutuan yang harus diserap oleh rakyat Selangor sebagai suatu kesempatan untuk menjana ekonomi setempat melalui kegiatan pelancongan khusus berasaskan keunikan kawasan masing-masing, misalnya kraf tangan, makanan atau budaya. Peruntukan Kerajaan negeri Selangor untuk menggalakkan prospek ini termasuk dalam peruntukan pembangunan Kampung Baru yang saya jelaskan kemudian.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Strategi kedua; Memantau Pengurusan Perbelanjaan Yang Cepak. Kecekapan adalah sebahagian daripada penanda aras kualiti dan secara tidak langsung membawa maksud kelangsungan (*quality means survival*).

Justeru itu, suka untuk saya mengingatkan diri saya dan seluruh barisan kepimpinan dan seluruh pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor supaya dapat menguruskan peruntukan yang diberi dengan cekap dan berkesan. Setiap penggunaan peruntukan yang diberikan hendaklah dikaji secara keseluruhan dan dibuat melalui perancangan terlebih dahulu agar dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna serta mengikut jadual yang ditetapkan. Setiap keputusan dibuat perlulah mengambil kita persoalan keutamaan dan keperluan sebenar bagi mengelakkan pembaziran serta perlanggaran mana-mana prosedur kewangan.

Saya juga ingin menegaskan kepada kita semua untuk memahami betapa pentingnya konsep '*value for money*' dalam segala urusan perbelanjaan. Mesej reformasi yang kita laksanakan bukan terhad kepada melawan kezaliman dalam bentuk rasuah dan penyelewengan tetapi yang lebih utama adalah menegakkan keadilan menerusi amalan yang telus, bertanggungjawab, ditadbir urus dengan baik.

Kerajaan Negeri Selangor komited untuk menangani masalah ketirisan, rasuah dan penyelewengan maka dengan itu Kerajaan Negeri Selangor sedang mengemas kini penggubalan enakmen Kebebasan Maklumat (FOIA) sebagai komitmen keterbukaan untuk menangani isu ini secara bersama. Kita tidak akan melindungi mana-mana pihak dari didakwa di mahkamah jika terdapat cukup bukti terhadap mereka. Kita juga

mengharapkan komitmen yang serupa di peringkat Kerajaan Persekutuan khususnya dalam aspek perlindungan terhadap pemberi maklumat selain keberanian menggubal akta yang sama.

Kita juga telah memperkenalkan Pek Integriti kepada beberapa organisasi secara berperingkat. Pek Integriti ini dilakukan dengan kerjasama *Transparency International*, Malaysia yang terkini usaha sedang giat dilakukan bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Kita tidak memerlukan pengetahuan yang tinggi untuk mengetahui bahawa rasuah dan penyelewengan boleh memberi kesan jangka pendek dan panjang kepada masyarakat. Kajian oleh seorang ahli ekonomi di Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Paola Mauro yang diterbitkan oleh *Institute for International Economics* (IIE), jelas menunjukkan kesan buruk rasuah dan penyelewengan ini terhadap pertumbuhan, pelaburan serta perbelanjaan kerajaan (rujuk kajian beliau bertajuk *The Effect of Corruption on Growth, Investment and Government Expenditure: A Cross Country Analysis*). Bahkan, jika kita melihat semua indeks berkaitan ekonomi, persoalan rasuah dan penyelewengan ini tidak pernah tertinggal daripada isu yang kuat menghambat pertumbuhan, pelaburan dan pengurusan berkesan kerajaan. Begitu juga dengan penulisan Barry Wain yang berjudul *Malaysian Maverick Mahathir Mohamad In Turbulent Times*.

Seluruh rakyat Malaysia terpaku dengan pendedahan berani beliau yang mana beliau menyatakan selama 22 tahun pemerintahan Dr Mahathir Mohammad sejumlah RM 100 bilion telah dibazirkan akibat dari keputusan-keputusan yang dilakukan berdasarkan kepentingan dan pautan politik dan mengayak segelintir individu, lantas membawa padah kepada Negara. Beliau turut menyatakan jika bukan kerana dibazirkan sewenang-wenangnya wang tersebut boleh digunakan untuk pembangunan sosioekonomi rakyat Malaysia. Justeru itu rasuah dan penyelewengan yang berlaku di peringkat tertinggi telah menghalang pertumbuhan ekonomi Negara. Ia merupakan cabaran yang mungkin sukar untuk dielakkan menjelang beberapa tahun mendatang. Justeru itu, pengurusan kerajaan mesti menonjolkan imej yang lebih cepat dan cekap serta bersih. Kepesatan pembangunan teknologi seharusnya dapat membantu kita ini. Persekitaran dunia kini menuntut bukan sahaja keputusan dan amalan yang telus dan bertanggungjawab, tetapi ia mesti dilakukan dengan cekap dan pantas. Lebih cekap dan pantas pengurusan sesuatu perkara membolehkan banyak keputusan dibuat dan pergerakan ekonomi yang tangkas meningkat.

Sebahagian besar perbelanjaan Kerajaan Negeri yang lalu adalah melalui Kerajaan Tempatan. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan perbelanjaan dibuat berasaskan ketelusan dan pertanggungjawaban yang tinggi, satu Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus Korporat ditubuhkan. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjadi Kerajaan Tempatan pertama menyediakannya dan bakal diikuti oleh Kerajaan Tempatan lain. Setakat ini ia menunjukkan pertambahan baik dalam aspek kewangan kepada MBPJ dengan simpanan yang meningkat melebihi dari tahun-tahun sebelumnya. Melalui pengurusan kewangan yang cekap Kerajaan Negeri Selangor berhasil mengenal pasti dan mengutip semula hutang Syarikat Kumpulan Talam. Setakat ini sejumlah RM 390 juta telah dikenal pasti dan berjaya dituntut. Kutipan semula semua hutang ini diuruskan oleh Menteri Besar (Pemerbadanan) milik penuh Kerajaan Negeri Selangor.

Sidang Dewan yang dihormati, strategi ketiga, mendorong pembangunan modal insan. Strategi ini adalah inti pati kepada pembentukan masyarakat madani, iaitu masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai baik bersumberkan agama dan pengetahuan sivik. Suka atau tidak, sistem yang baik perlu didukung oleh insan yang baik kerana sistem tidak dapat bergerak sendiri melainkan digerakkan oleh manusia. Apa nasib negeri Pakatan, orang lihat pada Selangor, biar carik baju di badan, asal hati bersih dan jujur. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 7.8 juta di bawah peruntukan pembangunan insan bagi memastikan keberkesanan setiap program yang dijalankan dan mencapai objektif utama.

Setakat ini terdapat 390 program latihan dan kursus yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan. Kumpulan sasaran bagi program ini adalah penjawat awam, keluarga, pendidik, pelajar, remaja, belia, Ahli Jawatankuasa Masjid dan juga Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Pada tahun lalu juga, Kerajaan Negeri Selangor ada mengumumkan dan mengganti kursus ganti untuk kakitangan kerajaan Negeri Selangor kepada kursus Biro Tatanegara kerana kita dapati Biro Tatanegara terbukti songsang dari matlamat asal hingga menjurus kepada perbalahan politik dan perkauman. Songsang. Kursus Pembangunan Modal Insan kini dijadikan syarat untuk kenaikan pangkat di Negeri Selangor menggantikan syarat yang sama melalui Biro Tatanegara sebelum ini. Berbanding Biro Tatanegara perbezaan utama program Modal Insan adalah penekanan kepada keupayaan berfikir secara kritikal dan matang.

Modul yang digunakan menjangkau fahaman kepartian tetapi mendorong keupayaan setiap individu terlepas latar belakang kaum, agama jantina dan kecenderungan politik mereka,. Ia tidak bersifat indoktrinasi tetapi penghakupayaan. Sejak ia dilancarkan pada tahun 2008 sekitar 49,500 peserta berjaya mengikuti program ini. Peningkatan ilmu pengetahuan rakyat adalah penting untuk pembangunan Negara apatah lagi untuk bersaing dalam realiti semasa. Justeru itu, ia menuntut kewujudan sebuah masyarakat berpengetahuan (*k-workers*). Usaha ini tidak terbatas pada aspek intelektual semata-mata tetapi menyeluruh kepada potensi manusia.

Negeri Selangor berjaya melancarkan Hari Ilmu dengan menganjurkan hari membaca peringkat Negeri Selangor. Kita berjaya menumpukan seramai 15,271 orang pembaca di Tasik Shah Alam untuk sama-sama membaca dan program ini berjaya menempa sejarah dalam *Malaysia Book of Records*. Usaha ini antara lain dapat memupuk sifat rajin membaca dalam kalangan rakyat Malaysia yang secara relatif sangat rendah. Pada 2011, kita hendak mengembangkannya kepada aspek penulisan. Sesungguhnya ilmu itu bertambah apabila ia disampaikan. Penulisan adalah medium penting untuk mereka yang berpengetahuan berkongsi pandangan dengan masyarakat umum supaya sekurang-kurangnya pengetahuan am atau asas tentang sesuatu isu itu boleh di hadam. Azam kita adalah mewujudkan jaringan intelektual bagi tujuan pertukaran idea dan cadangan yang boleh membantu peningkatan dasar dan amalan berkesan kerajaan di samping mengiktiraf sumbangan mereka kepada masyarakat. Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM34.84 juta kepada sektor pendidikan pada tahun 2011.

Meskipun Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai kuasa dalam membina dasar pendidikan, namun kita berbangga kerana memiliki dua institusi pendidikan tinggi sendiri iaitu Universiti Industri Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Selangor juga menjadi negeri yang menempatkan 87 kolej swasta, 13 kolej universiti,

4 universiti awam, 17 universiti swasta. Ia sekali gus menyumbang sejumlah sumber intelektual terhadap pembangunan negeri dan negara. Sebanyak RM500,000 disediakan kepada UNISEL pada tahun 2010 untuk menggiatkan penyelidikan dalam bidang teknologi bio. Pada tahun hadapan, RM500,000 lagi disediakan kepada UNISEL untuk penyelidikan berkaitan teknologi hijau.

Kita berasa bangga kerana UNISEL baru selesai menandatangani perjanjian persefahaman dengan tiga universiti utama dunia, iaitu Universiti Cambridge, Universiti Manchester dan Kolej Imperial, London untuk membolehkan mahasiswa UNISEL menyambung pengajian pascasiswazah mereka di sana. Kita juga dalam proses perbincangan untuk membolehkan para pensyarah UNISEL mendapat latihan-latihan spesifik di ketiga-tiga universiti tersebut. Tidak sekadar itu, UNISEL juga menjalin kerjasama dengan Universiti Al-Azhar dalam program pembangunan penyelidikan berkaitan peralatan saintifik untuk produk halal.

Kerajaan Negeri Selangor berusaha meneruskan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah Tamil sebanyak RM 4 juta sekolah Cina sebanyak RM6 juta dan sekolah Agama Rakyat sebanyak RM6 juta. Sumbangan ini adalah untuk membantu penyelenggaraan dan pembangunan infrastruktur serta pembelian bahan bacaan sejajar dengan janji kita untuk mengembangkan dan memajukan penggunaan bahasa ibunda bagi sekolah Tamil dan sekolah Cina dan penggunaan tulisan jawi dan Bahasa Arab bagi sekolah Agama Rakyat. Kita maklum seramai 50,000 pelajar belajar di Sekolah Agama Rakyat yang kebanyakannya diusahakan oleh NGO dan individu prihatin.

Prasarana daif di kebanyakan sekolah tersebut membuatkan saya berfikir kehairanan mengapa selama 52 tahun pemerintahan sebelum ini kebajikan mereka tidak mendapat perhatian kerajaan sedangkan kita sentiasa merintih masalah kejatuhan moral anak-anak muda. Mungkin mereka lebih bersedia membelanjakan sekurang-kurangnya RM10 sehari bagi seorang penagih dadah di pusat-pusat serenti tetapi gagal pula melihat perlunya menanam modal untuk membentuk insan mulia melalui pendidikan Sekolah Agama Rakyat. Kerajaan hari ini lebih bersedia melabur RM6 juta dalam pembangunan siasah anak-anak pada hari ini daripada terpaksa menanggung kos menyelenggarakan anak-anak rosak akhlak di pusat-pusat serenti dengan kos yang berlipat kali ganda pada sepuluh tahun yang mendatang.

Kerajaan negeri Selangor yakin bahawa pendidikan formal adalah sangat penting kerana peratusan tinggi pelajar yang tidak berpeluang mendapat pendidikan tinggi dan tercicir dalam pembelajaran sehingga menyebabkan mereka sukar mendapat peluang pekerjaan. Bagi membantu golongan ini meningkatkan kemahiran mereka, Kerajaan Negeri Selangor melalui Kolej INPENS iaitu sebuah Pusat Latihan Vokasional milik penuh Kerajaan Negeri menyediakan latihan kemahiran yang sesuai untuk mereka tanpa mengira latar belakang. Setakat ini 600 orang pelajar berjaya mengikuti program ini dengan jumlah RM2 juta diperlukan bagi melatih 200 orang pelajar pada satu masa selama 6 bulan.

Selain usaha tersebut, hadiah anak masuk universiti sebanyak RM1,000.00 seorang memang diberikan kepada mereka yang layak. Peruntukan untuk hadiah ini pada tahun 2009 dan 2010 adalah sama iaitu RM7.7 juta dan usaha ini diteruskan sebagai satu daripada Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Peruntukan juga disediakan

untuk Pusat Tuisyen Rakyat secara percuma kepada golongan berpendapatan RM 1,500.00 ke bawah yang menelan belanja sebanyak RM3,45 juta.

Sebahagian aktiviti tambahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor meliputi pembentukan perpustakaan komuniti dan pusat kegiatan anak muda. Pada tahun 2011, peruntukan untuk perpustakaan adalah RM 13.84 juta iaitu bagi Perpustakaan Raja Tun Uda 2 serta untuk perpustakaan desa, penyelenggaraan dan kelengkapan koleksi. Kewujudan pusat kegiatan anak muda seperti ini adalah sangat penting dan selari dengan tuntutan mewujudkan rakyat berilmu. Berhubung dengan perkara tersebut, Kerajaan Negeri Selangor maklum akibat sistem terdahulu gejala dan masalah sosial yang wujud dalam masyarakat pada hari ini amat meruncing. Kerajaan hari ini sedang dalam usaha melakukan pembaikan kerosakan melalui program-program yang dikenal pasti. Sebuah Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial ditubuhkan dengan melibatkan pelbagai pihak, antaranya Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), PEMADAM, Polis Diraja Malaysia Selangor (PDRM) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Jawatankuasa ini berperanan sebagai agen meningkatkan usaha menangani gejala sosial dengan lebih berkesan. Hal yang pasti kita tidak menubuhkan agensi baharu tetapi memperhebat dan melakukan *multi tasking* agensi-agensi dan badan-badan kerajaan yang sedia ada dalam usaha mempamerkan perbelanjaan berhemah.

Kerajaan Negeri Selangor baru selesai melancarkan Program Generasi Idaman Selangor (GeMS) untuk meminimumkan punca dan kesan daripada gejala dan masalah sosial ini. Sempena Sambutan Kemerdekaan 2010 yang lalu, satu Kempen Antizina berjaya dilaksanakan. Kita berusaha untuk mewujudkan Kelab GeMS di setiap daerah untuk dijadikan medium bagi anak muda berinteraksi secara positif untuk kebaikan semua.

Selain itu, kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta masyarakat sivil bakal ditingkatkan kerjasama dan komitmen mereka bagi menangani isu seperti perbuatan sumbang, gengsterisme, penyalahgunaan dadah dan alkohol. Kerjasama seumpama adalah sangat penting untuk membantu usaha ini ditangani dengan berkesan. Selain itu, penglibatan institusi agama dan institusi kerajaan yang ada juga diperlukan bagi menambah keperluan bilangan keanggotaan. Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk tujuan ini. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) turut terlibat dalam usaha menangani isu dan masalah ini melalui Program Masih Ada Yang Sayang dan Kursus Bimbingan Rohani (KUBRO).

Selaras dengan usaha itu, peruntukan RM3.3 juta disediakan untuk Program Pembangunan Anak Muda dengan RM2.8 juta dikhususkan kepada Penggerak Belia Tempatan untuk melaksanakan program di peringkat akar umbi. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor juga berusaha melibatkan program latihan bersama agensi kerajaan atau syarikat milik kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran belia khususnya dalam aspek kepemimpinan, pengurusan serta menjadi penggerak program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Sekretariat Belia Negeri Selangor kini diletakkan di bawah Majlis Sukan Negeri Selangor. Ia bertujuan menggalakkan lebih ramai penglibatan anak muda dalam kegiatan sukan, sesuai dengan peringkat usia mereka. Sebanyak RM4 juta diperuntukkan kepada Majlis Sukan Negeri Selangor untuk menyaring bakat dan mendorong pencapaian kelas tinggi bagi menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) pada



tahun-tahun mendatang. Sukan adalah medium penting kerana ia menyediakan ruangan interaksi yang sihat di samping persaingan mengikut merit. Melaluinya banyak nilai murni seperti semangat kerjasama, keyakinan diri dan persaingan sihat dapat dipupuk.

Dalam usaha mewujudkan masyarakat madani, Kerajaan Negeri Selangor juga mengambil kira kepentingan keutuhan institusi keluarga. Justeru itu, latihan Pembangunan Modal Insan tidak ketinggalan melibatkan kumpulan sasar ini. Ia turut diselaraskan dengan agenda pembangunan wanita melalui pelbagai kursus jangka pendek serta Sambutan Hari Wanita dan Konvensyen Wanita Selangor. Peruntukan sebanyak RM1 juta disediakan untuk tujuan ini.

Selain itu, penglibatan Jabatan Agama Islam melalui Program Keluarga Sakinah turut membantu menampung keperluan memperkukuh institusi keluarga ini. Kita ingin mencadangkan supaya semua badan agama berinteraksi dan mencari strategi yang sesuai agar peranan mereka dapat lebih dirasakan oleh masyarakat.

Dalam bidang kesihatan pula, meskipun Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa dalam penyediaan dasar, namun beberapa perkara yang disifatkan perlu terus diberikan perhatian. Kerajaan Negeri menyediakan dana khas untuk mereka yang memerlukan misalnya bantuan kewangan untuk rawatan dialisis, pembedahan katarak dan pembedahan kecil seperti pintasan (*bypass operation*). Pada tahun 2011, sejumlah RM300,000 disediakan memandangkan masalah ini perlu ditingkatkan lagi peruntukan. Oleh sebab masalah denggi yang masih gagal diatasi dengan berkesan dan jumlah kes denggi masih tinggi kita hendak menggiatkan usaha menanganinya pada tahun hadapan. Tumpuan yang hendak kita berikan merangkumi program penerangan dan pendidikan kesihatan dan amalan sihat. Sejumlah RM300.000 diperuntukkan untuk tujuan ini.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan serta Majlis Peguam merancang membentuk dasar berkaitan Skim Perumahan Pekerja Ladang. Dasar ini boleh menjadi satu keperluan undang-undang yang dikenakan kepada para pemilik ladang. Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Hostel untuk Penempatan Anak-anak Pekerja Ladang dan peruntukan awal RM2 juta dicadangkan untuk tujuan tersebut. Usaha giat sedang kita lakukan untuk mencari tanah yang berdekatan dengan sekolah anak-anak pekerja ladang itu belajar.

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa prihatin dengan keperluan orang Asli. Untuk itu, kita sudah pun menubuhkan Badan Bertindak Orang Asli Selangor. Badan ini diberi tugas untuk mengukur dan mengenal pasti tanah milikan sah orang Asli. Setelah usaha dikenal pasti, tanah-tanah ini perlu digazet supaya orang Asli mendapat hak pemilikan tanah mereka sendiri. Komitmen Kerajaan Negeri pernah ditunjukkan melalui kes *Sagong Tasi* apabila Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Rakyat tidak meneruskan kes tersebut, sekali gus menaik taraf hak orang Asli. Tidak sekadar itu, kita juga menyediakan peruntukan untuk kebajikan orang Asli pada tahun 2011 sebanyak RM300,000.

Mutakhir ini kita juga sering mendengar masih terdapat kes rakyat yang tidak mempunyai Sijil Beranak dan Kad Pengenalan. Bagi menangani permasalahan ini kita menubuhkan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) khusus untuk tujuan ini dengan bantuan wakil dari kerajaan. Setakat ini ia beroperasi di Tingkat 3 Plaza Majlis

Perbandaran Klang. Sejak pembentukannya, seramai 450 orang rakyat menggunakan khidmat ini dan kita hendak meneruskan khidmat ini pada tahun 2011 dengan peruntukan sebanyak RM86,000.

Sidang Dewan yang dihormati,

Strategi keempat; Melestarikan Pembangunan Negeri Selangor. Saya ingin memberi fokus pada sektor ekonomi dan infrastruktur.

Kerajaan Negeri Selangor sudah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Taman Industri, sekurang-kurangnya sekali setiap dua bulan yang dianggotai oleh Majlis Tempatan serta perwakilan industri dan dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis serta Ketua Kawasan Persekutuan Pembuatan Malaysia (FMM). Dengan cara itu, masalah dan aduan dapat ditangani dengan sewajarnya oleh pihak berautoriti di peringkat tempatan. Syarikat utiliti polis dan pihak-pihak terbabit lain juga turut menyertai mesyuarat tersebut bagi memastikan syarikat dan industri terbabit menyelesaikan beberapa masalah kecil yang berkaitan.

Berdasarkan statistik dari Autoriti Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), pada Julai 2010, Selangor mencatat pelaburan masuk berjumlah RM3.88 bilion. Ia membolehkan Selangor terus kekal sebagai antara negeri yang tertinggi dalam senarai pelaburan di seluruh negara. Pelaburan asing menyumbang sebanyak RM1.6 bilion dan pelaburan domestik pula menyumbang sebanyak RM2.28 bilion. Perolehan pelaburan ini berjaya mewujudkan peluang pekerjaan seramai 13,266 orang melalui 197 projek. Sektor yang banyak menyumbang pada pertumbuhan ini adalah produk berasaskan getah, pembuatan dan pengilangan makanan, peralatan pengangkutan serta produk barangan elektrik dan elektronik.

Satu daripada bahagian penting dalam pembangunan ekonomi adalah kemampuan menyediakan dan mewujudkan peluang pekerjaan, khususnya untuk generasi muda. Walaupun kesan daripada usaha mengeluarkan graduan dengan cepat bagi memenuhi keperluan industri sekitar tahun 1990-an, ia mengakibatkan berlakunya pengangguran yang tinggi. Ia berlaku disebabkan kadar pengeluaran graduan tidak seimbang dengan kadar pertumbuhan dalam negara.

Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor mengambil inisiatif dengan menjalankan Program Jom Kerja sebagai satu medium untuk rakyat berinteraksi dengan syarikat yang mempunyai hubungan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Mereka yang mencari kerja diberi bantuan untuk menyediakan resume serta tip wawancara. Pada tahun ini, kira-kira 2,600 orang pemohon hadir di tiga tempat berasingan dengan penyertaan antara 20 hingga 29 buah syarikat memberikan komitmen dalam pencarian pekerja. Program ini bakal diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM270,000 dan dilaksanakan di sembilan daerah.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh berhenti sebentar untuk bawa usul lanjutan masa.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Baiklah. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin membawa satu usul berbunyi berikut :

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung bersidang sehingga selesai ucapan bajet yang dibacakan”.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Dipersilakan Yang Amat Berhormat.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Kerajaan juga bercadang meneroka prospek baharu pelaburan misalnya menjadikan Bernam Jaya sebagai zon Perkhidmatan Antarabangsa. Setakat ini sejumlah pelabur dari negeri China dilihat berminat untuk melabur dan membina Universiti Selangor. Tidak kurang juga yang menzahirkan minat mereka dalam bidang kesihatan melalui pembinaan hospital. Kerajaan Negeri memperuntukkan belanja mengurus pada kadar 0,05% bagi setiap 2 bilion jumlah pelaburan yang dibawa masuk. Bagi tahun 2011, peruntukan sejumlah 2,889,648 diberikan kepada Pusat Pelaburan Negeri Selangor (SSIC).

Kerajaan Negeri Selangor memberi keutamaan dan penekanan bagi mewujudkan bandar dan kawasan pendudukan yang selesa dan selamat didiami.

Hari ini kita dapat lihat bagaimana pembangunan berlebihan berlaku sehingga menyebabkan kesesakan melampau di sesetengah tempat. Ia terjadi kerana Pentadbiran sebelum ini membenarkan pemaju swasta membina bangunan semata-mata untuk keuntungan tanpa perancangan teratur dengan mengambil kira kesan seperti kesesakan, *parking*, perparitan, longkang dan kawasan pembuangan sampah. Kerajaan Negeri Selangor menekankan penghijauan bandar, kelestarian alam sekitar dan kehijauan. Hal ini bakal dilakukan di sekitar Petaling Jaya dan Ampang Jaya melalui beberapa projek untuk mendorong ekonomi setempat dan oleh itu adalah penting mewujudkan persekitaran yang selesa untuk kediaman dan tempat bekerja.

Pentadbiran Pakatan Rakyat juga mengutamakan kepedulian kepada rakyat, dengan mengambil kira keluhan dan permasalahan rakyat sebagai sesuatu yang perlu ditandatangani. Justeru itu, pada Ramadan yang lalu Kerajaan Negeri menempa sejarah dengan melaksanakan rundingan awam di semua 12 Kerajaan Tempatan melalui pendekatan dari bawah. Hasil rundingan tersebut dimuatkan dalam laporan perancangan 3 tahun Negeri Selangor yang dinamakan Agenda Rakyat Selangor. Ia kita serahkan kepada Ahli-ahli Dewan. Rundingan ini sebagai suatu usaha yang membolehkan rakyat mempunyai lebih banyak suara dalam perancangan pembangunan negeri Selangor. Ia sekali gus bertujuan menyuntik rasa kepunyaan kepada setiap rakyat. Semua isu diketengahkan oleh rakyat termasuk pandangan wakil pelbagai sektor dan golongan profesional.

Insya-Allah laporan ini dijangka siap untuk dibentangkan pada Januari 2011. Draf ringkasan agenda rakyat Selangor tersebut ada dilampirkan bersama belanjawan ini untuk panduan ahli-ahli yang terhormat.

Dalam sesi rundingan awam ini antara aspek penting yang ditemukan adalah rasa tidak gembira rakyat terhadap kelemahan kemudahan pengangkutan awam di negeri ini. Kerajaan Negeri berharap suatu kerjasama dapat diwujudkan dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berkaitan hal ini kerana bidang pengangkutan lebih tertumpu dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan Selangor yang bakal menangani pelbagai isu pengangkutan di kawasan tempatan. Langkah pertama yang saya cadangkan untuk ini adalah dengan menyediakan unit pengangkutan di setiap Kerajaan Tempatan.

Kerajaan Negeri Selangor mempunyai visi untuk menjadikan Selangor sebagai negeri yang bersih, hijau dan selamat. Setiap Kerajaan Tempatan disarankan menentukan Zon Bersih di kawasan masing-masing.

Peruntukan sebanyak RM1.2 juta diberikan untuk tujuan ini dengan Piala Pusingan dihadiahkan kepada Kerajaan Tempatan yang menunjukkan prestasi terbaik. Kerajaan Negeri Selangor juga bakal memperhebat usaha pembersihan kawasan dengan menjadikan Kajang sebagai daerah perintis. Setakat ini, Kerajaan Persekutuan memusatkan khidmat kutipan sampah kepada satu syarikat iaitu Alam Flora.

Meskipun Alam Flora berpengalaman dalam projek kutipan sampah dan digunakan oleh hampir semua Kerajaan Tempatan di Selangor, namun ketika rundingan awam dijalankan rata-rata rungutan rakyat adalah terhadap mutu perkhidmatan yang buruk yang diberikan syarikat tersebut. Kerajaan Negeri mengambil serius akan perkara ini. Tambahan pula, banyak projek penswastaaan di peringkat Persekutuan tidak menunjukkan hasil yang memuaskan sedangkan perbelanjaan sangat tinggi.

Kini masyarakat dunia sudah mula berfikir dan perlahan-lahan menganjak ke ekonomi hijau (*Green economics*). Walaupun persidangan antarabangsa berkaitan perubahan iklim pada hujung tahun lalu dianggap menemui kegagalan kerana persetujuan bersama tidak dapat dicapai, realitinya semua negara kini sedang berusaha memastikan kualiti alam sekitar di negara masing-masing ditambah baik dan dipelihara agar lebih lestari.

Pelaburan dan teknologi hijau serta kepelbagaian bio adalah satu daripada aspek yang hendak kita berikan penekanan. Kerajaan Negeri Selangor sudah melancarkan Dasar Alam Sekitar Selangor dan kita berjaya melaksanakan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada setiap hari Sabtu. Sesetengah premis perniagaan memanjangkan kepada setiap hari Ahad. Kita berharap tempoh waktu ini juga dapat dipanjangkan kepada hari-hari lain pada masa hadapan.

Dana Perkhidmatan Infrastruktur (ISF) ada diwujudkan di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi bangunan yang memenuhi kelayakan pensijilan Indeks Bangunan Hijau (GBI). Kita juga ada melakukan kajian audit penggunaan tenaga bagi Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah untuk memastikan penggunaan tenaga yang berkesan diamalkan selaras dengan kriteria bangunan hijau. Bagi pemeliharaan alam sekitar pada tahun 2011, kita bercadang memberikan peruntukan berjumlah RM550,000.

Meskipun statistik PEMANDU menunjukkan jenayah berjaya dikurangkan sebanyak 14.2% bagi tempoh antara Januari hingga Jun 2010, namun isu jenayah berjaya kekal menjadi isu keprihatinan besar masyarakat.

Mengambil maklum bahawa institusi Polis Di Raja Malaysia (PDRM) tidak berada dalam bidang kuasa negeri, dan kita maklum keterbatasan pihak polis daripada segi nisbah anggota dan penduduk, Kerajaan Negeri Selangor berpendapat perlunya untuk menangani isu jenayah ini demi kesejahteraan rakyat. Ia termasuk melalui penyediaan pasukan keselamatan tambahan oleh Kerajaan Tempatan dan penyertaan persatuan masyarakat setempat.

Bagi projek pembangunan perumahan selepas ini, Kerajaan Negeri meminta pemaju melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dengan menubuhkan tabung keselamatan. Kita juga mahu menggalakkan penglibatan syarikat swasta dalam bentuk sumbangan kepada tabung cegah jenayah sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab sosial Korporat (CSR) mereka. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM6 juta kepada Kerajaan Tempatan bagi tujuan pemasangan CCTV dan meningkatkan pencerahan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti perlu.

Kita mengakui bahawa teknologi maklumat memainkan peranan penting dalam usaha mengubah corak pemikiran serta pergerakan masyarakat. Kepantasan perhubungan boleh mendorong peningkatan ruang persaingan khususnya dalam bidang perniagaan. Ia sekali gus mampu memberi kesan kepada pertumbuhan dan pembangunan negeri Selangor. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri Selangor hendak menambah bilangan kawasan capaian Internet tanpa wayar (*wireless hotspots*).

Setakat ini, Kerajaan Negeri Selangor meminta Kerajaan Tempatan memperuntukkan RM1 bagi setiap hasil cukai mereka untuk dijadikan dana penyediaan WiFi percuma di kawasan masing-masing. Ia sekali gus menjadikan Internet sebagai utiliti keempat selepas air, elektrik dan telefon. Pusat siber Rakyat (PSR) yang diinisiatifkan ini. Kita mensasarkan Pusat Siber Rakyat ini dapat berkembang menjadi 56 tempat dalam tempoh lima (5) tahun atau satu Pusat di setiap Dewan Undang Negeri (DUN). Bagi tahun 2011, Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM7 juta bagi Pembangunan ICT dan Projek Sains, Teknologi dan Inovasi.

Bagi pembangunan infrastruktur pula, Jawatankuasa Tetap Sains, Teknologi dan Inovasi diperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk menyediakan '*Workfare Information System*', iaitu suatu platform seragam dan tempat simpanan berpusat (*central repository*) bagi maklumat yang berkaitan dengan semua bantuan yang sudah dan bakal disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada rakyat. Sistem ini bagi memudahkan integrasi antara pelbagai sistem aplikasi berkaitan bantuan Kerajaan Negeri Selangor di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS), serta sistem aplikasi lain yang berkaitan dengan Bantuan Kerajaan Negeri Selangor kepada rakyat.

Bagi tahun 2011, tumpuan diberikan terhadap usaha menaik taraf pembangunan Kampung Baru yang begitu lama diabaikan. Sejumlah RM5 juta disalurkan kepada sembilan (9) buah daerah bagi pelaksanaan projek kecil Kampung Baru/Bagan/Tersusun di seluruh Negeri Selangor. Penduduk di Kampung Baru hendak melancarkan Projek Persejaraan Kampung Baru dengan mewujudkan laman web serta buku untuk memastikan rekod sejarah ini tidak hilang. Peruntukan untuk menjayakan projek ini adalah sebanyak RM60,000. Setiap Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kebajikan Kampung (JKKK) di 78 buah Kampung Baru/Bagan/Tersusun dijangka menerima RM10,000 untuk menjalankan aktiviti dalam tempoh setahun. Ia bermakna,

jumlah penuh yang bakal diberikan kepada semua Ketua Kampung ini adalah sebanyak RM780,000.

Pembaharuan bandar juga bakal mengambil kira kawasan ini dengan Kerajaan Negeri Selangor sedia memikirkan pilihan sama ada perlu meruntuh dan membina semula atau membangun semula beberapa kampung yang rosak serta terlalu usang. Bagaimanapun, kita tidak mendapat sokongan. Contoh, Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak memperuntukkan dana untuk membina jalan ke kampung-kampung dan kawasan industri.

Pembangunan kampung meliputi projek menaik taraf Kampung Baru dan Kerajaan Negeri Selangor bakal memperuntukkan RM5 juta bagi melaksanakan pelbagai projek kecil di kawasan kampung di negeri Selangor. Untuk pembaikan jalan-jalan di kampung, sejumlah RM4 juta bakal diperuntukkan. Diharapkan, dengan pembaikan jalan-jalan kampung ini usaha ini mampu meningkatkan kemudahan penduduk di kawasan terbabit dengan pelbagai lokasi penting untuk mereka menguruskan hidup seharian.

Program Pembangunan Luar Bandar juga berdasarkan strategi dalam lima (5) aspek, iaitu Kepimpinan Desa, Pengurusan Desa, Pembangunan Ekonomi Desa, Infrastruktur dan Pembangunan Modal Insan. Fokus bakal diberikan adalah untuk meningkat pusat komersial di setiap kampung. Penekanan diberikan kepada industri berskala kecil juga melibatkan aspek perikanan serta penternakan seperti cendawan dan itik. Beberapa kejayaan semakin terserlah dalam pertanian organik sayur-sayuran di Hulu Yam, projek akuakultur di Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

Kita mahu menyuntik tambahan dana sebanyak RM1 juta termasuk program pembangunan kebun kerang, program bantuan perikanan, program keselamatan dan kesihatan ikan, program pembangunan sumber baharu dan pemuliharaan kepelbagaian bio. Secara keseluruhannya, peruntukan untuk Pembangunan Luar Bandar adalah sebanyak RM15.5 juta, meliputi pembangunan kampung, pembangunan ekonomi kampung tradisi, penyediaan kemudahan asas di desa dan penyelenggaraan jalan kampung.

Bagi pihak yang pernah memuji kejayaan Bank Grameen di Bangladesh melalui usaha Muhammad Yunus. Idea ini adalah untuk menghakupayakan sejumlah usahawan kecil melalui penyediaan dana mudah yang boleh digunakan untuk perniagaan kecil. Kerajaan Negeri Selangor ada menjalankan proses temu duga dengan mereka yang memohon bantuan mengikuti Skim Kredit Mikro dan kini di peringkat pemilihan dan penganugerahan fasa pertama. Kaedah ini hendaklah diselaraskan dari semasa ke semasa kerana Negeri Selangor mahu mengemas kini pangkalan data berkaitan penduduk miskin dan termiskin yang disenaraikan melalui Program Merakyatkan Ekonomi Selangor serta maklumat berkaitan bakal penerima bantuan ini.

Latihan Keusahawanan juga diberikan penekanan. Pihak SIRIM turut dilibatkan untuk memberi nasihat melalui seminar kesedaran yang bakal dianjurkan. Kita berharap usaha ini dapat meningkatkan kemampuan masyarakat dalam hal ehwal pemasaran, pengurusan akaun, pembungkusan dan urusan memproses. Bagi memenuhi tujuan ini pada tahun 2011, kita hendak menyediakan peruntukan sebanyak RM 2 juta bagi dana industri kampung, memberi latihan dan pembangunan kepada usahawan, mempromosi

produk Industri Kecil dan Sederhana, program Satu Kampung Satu Produk dan program Selangor Ria.

Daripada sektor ekonomi pula, sejumlah RM4 juta bakal diperuntukkan bagi menaik taraf produk pelancongan. Produk ini bertujuan untuk memperkenalkan 12 produk baharu dengan sasaran 1 produk bagi satu Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Selangor. Sasaran ini adalah selari dengan langkah liberalisasi sektor perkhidmatan oleh Kerajaan Persekutuan yang ruang dan peluang ini mesti direbut oleh rakyat Selangor untuk bersaing, khususnya untuk menarik pelancong domestik dan luar Negara. Dengan kepelbagaian produk dan sumber alam yang ada, pengetahuan dan kemahiran penduduk tempatan adalah aset penting untuk merebut pasaran luas ini.

Kita menjangkakan kedatangan pelancongan seramai 5.9 juta orang pada tahun 2011 dengan pecahan 3 juta pelancong asing, 2.9 juta pelancong tempatan. Hal ini berdasarkan corak kebanjiran pelancong dari negara-negara utama seperti Jepun, China dan Taiwan, dan negara-negara Timur Tengah. Produk pelancongan seperti rekreasi lasak termasuk berkayak atau pun bermain tiub (tubing) di arus deras berpotensi ini boleh ditingkatkan selain pelancongan kesihatan dan pendidikan. Kempen "Selangor Shines" sedia disemarakkan dengan kerjasama Selangor Tourism Sdn. Bhd.

Kerajaan Negeri memandang serius kewujudan kilang-kilang haram di seluruh negeri. Operasi pemulihan kilang haram mula dijalankan dan setakat September 2010 sejumlah 1456 buah kilang haram mendapat permit khas sementara dan 101 kilang diluluskan permit. Garis Panduan Kelulusan Teknikal Minimum telah diperkenalkan kepada kilang yang dinamakan untuk mengurangkan kesan pemutihan tersebut. Semua premium yang dikutip dipulangkan kepada Kerajaan Selangor sebagai hasil. Operasi ini juga antara lain bertujuan membolehkan kilang membuat aktiviti secara sah dan membolehkan kebajikan pekerja kilang diberi pertimbangan yang wajar.

Oleh sebab hasil negeri Selangor bertumpu pada cukai berkaitan tanah maka Kerajaan Negeri Selangor memandang serius terhadap isu-isu yang berkaitan dengannya. Satu Badan Bertindak Khas Tanah dibentuk pada tahun 2008 yang menyediakan kertas kerja berkaitan reformasi tanah yang boleh dimulakan oleh Kerajaan Negeri. Banyak cadangan yang bermakna ada diberikan dalam laporan kertas kerja Badan Bertindak ini pada tahun 2009 dan satu daripadanya adalah keperluan menangani timbunan geran-geran dan dokumen-dokumen yang penting berkaitan di pejabat-pejabat tanah serta risiko kehilangan, kecurian dan manipulasi oleh pihak-pihak tertentu. Antara cadangan, untuk menjadikan sebahagian ruang dalam Stadium Shah Alam sebagai gudang simpanan fail-fail tanah yang berjumlah lebih 1.8 juta fail. Serentak dengan itu Kerajaan Negeri sedang berusaha memindahkan semua maklumat data mengenai tanah ini kepada bentuk elektronik untuk memudahkan pengurusan berkaitan tanah agar lebih teratur dan efisien. Dengan cara ini, kita dapat menangani masalah kelewatan urusan pejabat-pejabat tanah yang sememangnya menjadi sungutan banyak pihak.

Kerajaan Negeri mendapati rakyat kurang menerima maklumat mengenai Kerajaan Negeri dan aktiviti-aktiviti yang dirancang dan sedang dijalankan demi kesejahteraan rakyat. Kita mendapati media perdana sentiasa dijadikan tunggangan Kerajaan Persekutuan dan pihak-pihak tertentu untuk bukan sahaja mematikan segala berita kemajuan Kerajaan Negeri Selangor malah memaparkan berita kurang tepat untuk memburuk-burukkan Kerajaan Negeri. Menginsafi bahawa rakyat berhak mendapatkan

maklumat tepat dan seimbang maka Kerajaan Negeri Selangor, memperuntukkan sejumlah RM15 juta kepada badan penerangan negeri dan sistem komunikasi untuk menyebarkan maklumat ke seluruh negeri. Jumlah cetakan naskhah *Selangor Kini* akan dipertingkatkan dan diperbanyakkan untuk sebaran kepada rakyat secara percuma.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

### **Peruntukan Belanjawan 2011**

Kini tibalah masa saya membentangkan Peruntukan Belanjawan 2011. Kerajaan Negeri berusaha keras untuk kekal mewujudkan Belanjawan Berimbang iaitu perbelanjaan selaras dengan jumlah perolehan negeri. Seluruh strategi dan pelbagai program yang dinyatakan sebentar tadi bakal dipadankan dengan kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor mensasarkan pertambahan sebanyak 15.42% iaitu RM70,960,000 daripada jumlah kutipan Hasil Cukai bagi tahun 2011. Pertambahan ini dijangka menjadikan kutipan sebanyak RM530,980,000 berbanding dengan RM460,020,000 pada tahun 2010.

Bagi Hasil Bukan Cukai, jangkakan pertambahan adalah sebanyak RM467,164,360 berbanding dengan RM422,679,000 pada tahun 2010. Ia bermaksud, sasaran peningkatan dijangka sekitar 10.52% atau RM44,485,360.

Bagi Terimaan Bukan Hasil pula dijangka bertambah sebanyak 3.49% iaitu pertambahan RM14,554,640, menjadikan terimaan iaitu RM431,855,640 berbanding dengan RM417,301,000 pada tahun 2010.

Dengan anggaran hasil pada 2011 ini, saya ingin mencadangkan RM1,430 juta atau pun RM1.43 bilion sebagai jumlah peruntukan bagi Belanjawan 2011, iaitu kenaikan sebanyak 10% berbanding RM1,300 juta jumlah Belanjawan 2010.

Daripada jumlah ini, sebanyak RM830 juta diperuntukkan bakal diletakkan di bawah Peruntukan Mengurus manakala selebihnya RM600 juta diperuntukkan di bawah Peruntukan Pembangunan. Daripada Peruntukan Mengurus, sejumlah RM280 juta atau 33.82% dijangka digunakan untuk pembayaran emolumen, RM333 juta iaitu 40.19% untuk perkhidmatan dan bekalan, RM1.1 juta atau 0.14% untuk pembelian aset, RM213 juta atau 25.75% untuk pemberian dan kenakan bayaran tetap dan RM860 ribu atau 0.10% ialah perbelanjaan lain.

Bagi Peruntukan Pembangunan pula, sejumlah RM107.877 juta atau pun 18% dijangka digunakan untuk sektor ekonomi, RM87,883,040 atau 15% untuk sektor sosial, RM395,631,960 atau 66% sektor infrastruktur dan RM8.608 juta atau 1% dalam sektor perbandaran.



Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

*Negeri Selangor kaya sumbernya,  
Lubuk rezeki ramai mencari;  
Hasil negeri untuk rakyatnya,  
Barulah betul tadbir negeri;*

Belanjawan 2011 Negeri Selangor tidak mencanangkan hasrat pembinaan bangunan setinggi 100 tingkat tatkala banyak kemudahan asas rakyat belum mampu dipenuhi. Belanjawan ini tidak berhajat mengambil kredit daripada pengembangan perniagaan mana-mana gedung membeli belah. Sejak awal tadi, saya mengemukakan Belanjawan Berimbang yang memberi kepedulian kepada rakyat melalui dasar merakyatkan ekonomi negeri dengan amalan serta strategi yang sesuai dilaksanakan. Kita tidak bercakap kosong untuk mendahulukan rakyat, namun lain pula diutamakan.

Justeru itu, saya mengingatkan diri saya dan seluruh barisan **kepemimpinan** Negeri Selangor agar bersatu hati untuk berusaha merealisasikan matlamat utama kita untuk memimpin negeri Selangor berasaskan prinsip ketelusan, pertanggungjawaban dan tadbir urus yang baik. Jadikanlah tema "**Hasil Negeri Untuk Rakyat**" sebagai asas kepada tugas yang kita usahakan.

Saya memohon ke hadrat Ilahi agar mendapat rahmat, petunjuk dan hidayah-Nya bagi memimpin negeri Selangor ini. Semoga kita semua **diberi taufik dan hidayah** untuk terus gigih menegakkan kebenaran dan keadilan serta keberanian dan kebijaksanaan untuk memerangi kezaliman, mendapat reda dan kasih sayang Tuhan dan kurnia rezeki yang pada-Nya sahajalah perlindungan berhak dimohon.

*Pasang jerat di hujung tanjung,  
Terkena landak jantan betina;  
Panjang dikerat pendek disambung,  
Untungnya jika akal bijak diguna,*

Tuan Speaker dan Sidang Dewan yang dimuliakan,

Saya mohon mencadangkan.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Bersesuaian dengan Peraturan Tetap 66(2). Sesudah cadangan dibacakan, Rang Undang-undang dibacakan kali kedua disokong. Perbahasan hendaklah ditangguhkan tidak kurang dari satu jam. Oleh itu, perbahasan ini ditangguhkan dan dewan akan disambung semula pada 9 November 2010 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.45 petang)**